

MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
2019

HARI SELASA : 2 JULAI 2019

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK HAJI HASANUDDIN
BIN MOHD YUNUS [HULU LANGAT]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 1

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menyelaraskan warna semua uniform PBT di seluruh negara kerana kepelbagaian warna uniform PBT boleh mengelirukan orang ramai selain memudahkan penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) sedang mengambil tindakan untuk menyelaraskan warna semua uniform Penguatkuasa Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) di seluruh negara. Cadangan penyeragaman uniform pegawai-pegawai penguatkuasa PBT ini boleh mengelakkan kekeliruan dalam kalangan orang ramai selain dapat menghindari penyalahgunaan kuasa oleh pihak-pihak yang tidak bertanggungjawab.

2. Pada masa ini, KPKT melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) sedang mengadakan sesi libat urus dengan Persatuan Penguatkuasa PBT (PESAMA) bagi mendapatkan maklum balas terhadap cadangan warna uniform PBT. Selain itu, cadangan warna ini juga perlu mendapat kebenaran Pejabat Ketua Pegawai Keselamatan Kerajaan Malaysia (CGSO) sebelum dilaksanakan di semua PBT.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DR. NIK MUHAMMAD ZAWAWI
BIN HAJI SALLEH [PASIR PUTEH]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 2

(a) Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah status perkembangan pembangunan model prototaip kereta terbang.

(b) Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah pencapaian semasa terhadap 11 projek pelaburan aeroangkasa baharu bernilai RM816.3 juta yang telah diluluskan pihak Kerajaan tahun lalu.

JAWAPAN (a)

Tuan Yang Dipertua,

1. Industri ***Air Mobility*** merupakan antara bidang keusahawanan baharu yang dikenal pasti oleh Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sebagai mempunyai potensi yang tinggi di pasaran tempatan dan antarabangsa terutama dalam sektor infrastruktur, keselamatan, pertanian dan lain-lain. *Air Mobility* ini mengaplikasikan teknologi terkini seperti dron, *Big Data Analytics*, *Turnkey Application*, *Artificial Intelligence (AI)*, *Mobility* dan *Internet of Things* yang sedang berkembang pesat terutamanya di peringkat antarabangsa.

2. Pembangunan prototaip *Air Mobility* ini dibuat oleh syarikat-syarikat yang berkemampuan dan berminat untuk menerokai pasaran industri ini. Semua hak milik intelektual termasuk reka bentuk dan perisian *Air Mobility* adalah di bawah tanggungjawab syarikat yang membangunkan projek ini, termasuk kos berkaitan. Kementerian hanya memainkan peranan sebagai pemudah cara dalam pembangunan ekosistem industri *Air Mobility*

NO. SOALAN: 2

terutamanya dalam aspek menggubal polisi, peraturan dan sokongan industri tempatan bagi memenuhi keperluan yang diperlukan untuk membangunkan industri ini. Kementerian menjangkakan prototaip *Air Mobility* ini akan dapat dilancarkan seawal bulan Oktober 2019.

JAWAPAN (b)

Tuan Yang Dipertua,

1. Pada tahun 2018, sejumlah sebelas (11) projek telah diluluskan bagi sektor aeroangkasa dengan jumlah pelaburan bernilai RM816 juta kepada Lembaga Pembangunan Pelaburan Malaysia (MIDA). Daripada jumlah keseluruhan tersebut, empat (4) projek dimiliki oleh syarikat asing dengan jumlah pelaburan bernilai RM338 juta (41%) manakala tujuh (7) projek adalah dimiliki oleh syarikat tempatan dengan jumlah pelaburan domestik bernilai RM478 juta (59%).

2. Daripada sebelas (11) projek yang diluluskan, sepuluh (10) projek merupakan bagi aktiviti pengilangan pembuatan aeroangkasa untuk menghasilkan komponen dan bahagian kapal terbang seperti komponen enjin, *machined metal parts* dan juga *aero-structure parts* serta perkhidmatan *surface treatment* yang akan dibekalkan kepada syarikat *Tier 1* dan *Tier 2*.

3. Manakala, satu (1) projek diluluskan bagi menjalankan aktiviti penyelenggaraan, pembaikan dan baik pulih komponen-komponen enjin kapal terbang bagi pasaran eksport. Projek-projek yang diluluskan dijangka menjana peluang pekerjaan sebanyak 2,442.

4. Pencapaian semasa bagi projek-projek yang diluluskan adalah seperti berikut :

i. Sepuluh (10) projek dalam peringkat pelaksanaan iaitu pembinaan kilang, pemasangan mesin dan peralatan serta dalam proses mendapatkan kelulusan daripada agensi/ jabatan di peringkat negeri berkaitan projek syarikat; dan

ii. Satu (1) projek dalam peringkat perancangan.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATO' MANSOR OTHMAN [NIBONG TEBAL]

TARIKH : 2 JULAI 2019

SOALAN : Dato' Mansor Othman [Nibong Tebal]
minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan status kemajuan rundingan isu sempadan maritim Malaysia-Singapura dan apakah butiran penyelesaian yang telah dipersetujui bersama oleh kedua-dua negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Nibong Tebal atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman, semasa Sesi Pemukiman Ke-9 Pemimpin-Pemimpin Kerajaan Malaysia-Singapura yang diadakan pada 9 April 2019 di Putrajaya, kedua-dua Perdana Menteri Malaysia dan Singapura menyambut baik kerjasama dua hala (*bilateral*) dalam melaksanakan cadangan Kumpulan Kerja (*Working Group*) bagi menangani isu maritim yang melibatkan peluasan had pelabuhan Johor Bahru di Tanjung Piai dan had pelabuhan Singapura di Tuas. Singapura juga bersetuju untuk mengadakan rundingan dengan Malaysia mengenai persempadanan maritim Malaysia-Singapura yang masih belum dimuktamadkan, dan bukan sahaja bagi kawasan had pelabuhan tersebut.

Tuan Yang di-Pertua,

3. Susulan itu, Mesyuarat Pertama Jawatankuasa Malaysia-Singapura Bagi Perbatasan Sempadan Maritim Di Sekitar Kawasan Had Pelabuhan Bertindih Johor Bahru Di Tanjung Piai dan Singapura Di Tuas telah diadakan pada 13 Mei 2019 di Singapura.

4. Mesyuarat ini telah dipengerusikan secara bersama oleh YBhg. Dato' Sri Muhammad Shahrul Ikram Yaakob, Ketua Setiausaha Kementerian Luar Negeri Malaysia dan Encik Chee Wee Kiong, Setiausaha Tetap Kementerian Luar Negeri Singapura. Bagi pihak Malaysia, agensi-agensi berkaitan turut hadir ke mesyuarat tersebut iaitu Majlis Keselamatan Negara, Jabatan Peguam Negara, Kementerian Pertahanan, Kementerian Pengangkutan, Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia, Jabatan Ukur dan Pemetaan Malaysia, Pusat Hidrografi Negara dan Jabatan Laut Malaysia.

5. Mesyuarat tersebut telah:

a) menubuhkan satu jawatankuasa kecil (*sub-committee*) untuk membincangkan perkara dari segi perundangan dan teknikal bagi perbatasan persempadanan maritim Malaysia-Singapura. Ia diketuai oleh Ketua Pengarah Jabatan Hal Ehwal Maritim, Kementerian Luar Negeri bagi pihak Malaysia dan Ketua Pengarah Bahagian Hal Ehwal Antarabangsa, Jabatan Peguam Negara bagi pihak Singapura; dan

b) bersetuju supaya jawatankuasa utama tersebut akan bersidang sebanyak dua (2) kali setahun, manakala mesyuarat di peringkat jawatankuasa kecil (*sub-committee*) pula akan bersidang mengikut keperluan, iaitu secara *intersessional*.

Tuan Yang di-Pertua,

6. Selain daripada kawasan had pelabuhan bertindih tersebut, Malaysia dan Singapura juga akan meneruskan rundingan mengenai sempadan maritim di kawasan Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan. Sehubungan ini, Malaysia dan Singapura telah menubuhkan *Malaysia-Singapore Joint Technical Committee* (MSJTC) bagi melaksanakan penghakiman Mahkamah Keadilan Antarabangsa (*International Court of Justice* - ICJ) berhubung Kes Kedaulatan Ke atas Batu Puteh, Batuan Tengah dan Tubir Selatan pada tahun 2008. Sehingga kini, tujuh (7) mesyuarat MSJTC telah diadakan dalam proses perundingan pembatasan sempadan maritim di antara Batu Puteh dan Batuan Tengah. Mesyuarat Ke-8 dijangka akan berlangsung pada bulan Oktober tahun ini dengan Malaysia sebagai tuan rumah. Proses perundingan ini telah tertunda sebelum ini berikutan terdapat beberapa percanggahan dalam rundingan di antara kedua-dua negara dan kerana Malaysia telah mengemukakan semakan semula penghakiman kes ini kepada ICJ.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF
KAWASAN : PETRA JAYA
TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB DATO' SRI HAJI FADILLAH BIN YUSOF minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah hasil atau dapatan dari kajian “cost benefit analysis” serta “feasibility study” untuk cadangan jajaran “Sabah-Sarawak Link Road” yang diumumkan oleh YB Menteri.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kajian Kemungkinan Sarawak - Sabah Link Road telah siap dilaksanakan oleh Kementerian ini pada tahun 2006. Kajian tersebut telah mengenalpasti jajaran bagi jalan ini sepanjang 275km dan telah mencadangkan pelaksanaan projek ini dibuat secara berfasa. Atas kesinambungan itu, Kerajaan telah meluluskan peruntukan berjumlah RM 5 juta untuk kerja-kerja awalan bagi Pakej 1 sepanjang 80km dari Lawas ke Kampung Pa' Berunut.

Kajian menunjukkan projek ini secara keseluruhannya dijangka akan memanfaatkan penduduk di pedalaman serta boleh mencetuskan peluang-peluang kegiatan ekonomi yang baharu menerusi eko-pelancongan dan agro-pelancongan. Selain dari itu, projek ini juga akan meningkatkan tahap keselesaan dan keselamatan kepada pengguna jalan raya yang pada masa ini terpaksa menggunakan jalan balak untuk tujuan perhubungan ke suatu kawasan. Secara ringkasnya, hasil penilaian '*cost benefit analysis*' dalam kajian ini mendapati bahawa Projek Sarawak - Sabah Link Road ini adalah berdaya maju untuk dilaksanakan.

Sekian terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN
[SELAYANG]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 5

TUAN WILLIAM LEONG JEE KEEN [SELAYANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah perkembangan pelaksanaan Sistem Rekod Perubatan Elektronik (EMR) di hospital dan klinik kesihatan di seluruh Negara.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Setakat ini Sistem Rekod Perubatan Elektronik (EMR) telah dilaksanakan di 35 hospital daripada keseluruhan 145 hospital Kerajaan dan di 118 buah klinik daripada keseluruhan 1703 klinik Kerajaan menggunakan pelbagai produk *Hospital Information System* (HIS) dan juga *Clinical Information System* (CIS).

Antara produk HIS yang digunakan adalah seperti Cerner, iSoft, Fisicien, Profdoc, Sistem Pengurusan Pesakit (SPP) bagi kegunaan hospital manakala di klinik menggunakan produk CIS seperti *Teleprimary Care* (TPC), *Oral Health Care Information System* (OHCIS) dan juga *integrated system* TPC dan OHCIS (Sistem TPC-OHCIS).

Secara keseluruhan, 25% hospital Kerajaan dan 7% klinik Kerajaan telah melaksanakan Sistem EMR. Pada masa sekarang, KKM sedang merancang secara strategik untuk memperluaskan sistem ini ke semua hospital dan klinik secara berfasa berdasarkan ketersediaan peruntukan.

KKM juga sedang dalam proses menilai cadangan dari lebih 60 buah syarikat selepas aktiviti 'Open Day EMR' bersama pihak industri bagi mendapat input untuk membangun dan melaksanakan EMR keseluruhan hospital dan klinik seluruh negara dalam masa 3 hingga 5 tahun akan datang.

Antara manfaat pelaksanaan Sistem EMR ini, maklumat kesihatan yang berkaitan dapat dicapai oleh mana-mana klinik atau hospital untuk tujuan rawatan dengan mengambilkira keperluan kerahsiaan maklumat pesakit tersebut. Ia akan secara langsung meningkatkan kualiti penyampaian perkhidmatan dengan lebih cepat dan berkesan tanpa menjejaskan kerahsiaan maklumat itu sendiri.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

PERTANYAAN : DATUK ROBERT LAWSON CHUAT [BETONG]

TARIKH : 02.07.2019 (SELASA)

Datuk Robert Lawson Chuat [Betong] minta MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA menyatakan penjelasan mengapa isu *profiteering* oleh penjaja dan pengendali makanan yang menaikkan harga masih berleluasa sedangkan harga minyak dan sistem cukai SST sepatutnya mengurangkan kesan tersebut.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian telah menguatkuasakan **Akta Kawalan Harga dan Antipencatutan (AKHAP) 2011** bagi menentukan kestabilan harga barangan dan perkhidmatan dalam negara melalui pengawalan harga dan caj serta pengawalan pencatutan. Peniaga berhak menentukan keuntungan sesuatu barangan mengikut peruntukan di bawah **Peraturan-Peraturan Kawalan Harga dan Antipencatutan (Mekanisme Untuk Menentukan Keuntungan Tinggi Yang Tidak Munasabah) 2018**. Kenaikan harga suatu barangan merupakan asas kepada tindakan pemeriksaan di bawah pencatutan. Peniaga yang dikesan menaikkan peratusan keuntungan **melebihi asas yang telah ditetapkan bagi tahun semasa adalah mencatut** dan akan disiasat melalui mekanisme pencatutan bagi menentukan kesalahan tersebut.

Tuan Yang Di-Pertua,

Sejak pelaksanaan Cukai Jualan dan Perkhidmatan (SST) yang bermula pada 1 September 2018 yang lalu, Kementerian ini sentiasa menjalankan pemantauan berkala di seluruh negara melalui Pegawai Penguatkuasa dan Pegawai Pemantau Harga bagi memastikan harga barangan di pasaran adalah berpatutan melalui kaedah **pelaksanaan Operasi-operasi Catut**.

Tuan Yang Di-Pertua,

Berkenaan isu kenaikan harga barangan, Malaysia adalah merupakan sebuah negara yang mengamalkan **sistem ekonomi pasaran bebas dan terbuka** di mana **kuasa pasaran** (*market forces*) berperanan sebagai **faktor penentu kepada turun naik harga barangan** di samping dipengaruhi oleh faktor-faktor dalaman dan luaran yang lain. Dalam konteks ekonomi bebas ini, pengaruh dan keadaan dalam pasaran merupakan aspek penting dalam penentuan harga barangan.

Meskipun GST kini berkadar sifar mulai 1 Jun 2018, terdapat beberapa **faktor lain yang turut menyumbang kepada perubahan harga barangan** di pasaran seperti:

- i) faktor permintaan dan penawaran;
- ii) isu rantai bekalan yang kompleks;
- iii) peningkatan kos logistik dan pengangkutan;
- iv) kejatuhan nilai mata wang Ringgit Malaysia berbanding mata wang utama dunia;
- v) sikap peniaga yang tamak dan mementingkan keuntungan; dan
- vi) kegiatan kartel dan monopoli.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS 2019**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB. DATO' ROSOL BIN WAHID
[HULU TERENGGANU]**

TARIKH : 2 JULAI 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah rancangan kementerian dalam menyediakan lebih banyak kemudahan di kawasan tarikan pelancong di Empangan Kenyir, yang ketika ini masih kekal merupakan tasik buatan manusia terbesar di Asia Tenggara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah memperuntukkan sebanyak RM25.6 juta di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sepuluh bagi membiayai 23 projek pembangunan kemudahan pelancongan di negeri Terengganu.

Peruntukan ini juga turut merangkumi pelaksanaan Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Pusat Perkhidmatan Pengkalan Gawi, Tasik Kenyir, Terengganu yang bernilai RM3.4 juta. Komponen projek yang telah disediakan menerusi projek ini adalah dataran; medan tempat letak kenderaan; ruang niaga beserta genset; bekalan air; tandas; dan wakaf.

Kementerian juga sentiasa bekerjasama rapat dengan Kerajaan Negeri Terengganu dan Lembaga Kemajuan Terengganu Tengah dalam mempertimbangkan sebarang cadangan bagi membangun atau menaiktaraf kemudahan pelancongan di Empangan Kenyir di bawah Rancangan Malaysia Ke-Sebelas sekiranya berpotensi untuk memastikan produk pelancongan di kawasan tersebut terus berdaya saing dan memberi faedah kepada masyarakat setempat serta ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATO' HAJI AHMAD NAZLAN BIN IDRIS
[JERANTUT]**

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

SOALAN : 8

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah langkah-langkah yang diambil pihak Kementerian bagi meningkatkan kadar pengambilan pelajar luar bandar ke Institut Pengajian Tinggi MARA (IPMa) berdasarkan sasaran 8.7 peratus penyertaan pada tahun ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, sejak awal penubuhannya, MARA telah mengutamakan pengambilan pelajar luar bandar dengan menyediakan peluang pendidikan dengan pencapaian secara lazim sebanyak 60 peratus pengambilan pelajar luar bandar setiap tahun.

Untuk tahun ini, MARA telah menetapkan sasaran sebanyak 60 peratus pengambilan pelajar luar bandar dan bukan 8.7 peratus seperti yang dinyatakan. Setakat Mei 2019, jumlah pengambilan pelajar luar bandar di Institusi Pendidikan MARA (IPMa) adalah sebanyak 64 peratus.

NO. SOALAN : 8

MARA terus mengambil langkah-langkah proaktif bagi meningkatkan kadar pengambilan pelajar luar bandar ke Institusi Pendidikan MARA (IPMa) iaitu GiatMARA, Institut Kemahiran MARA (IKM), Kolej Kemahiran Tinggi MARA (KKTm), MARA Japan Industrial Institute (MJII), German-Malaysian Institute (GMI), Universiti Kuala Lumpur (UniKL), Kolej Profesional MARA (KPM) dan Kolej Poly-Tech MARA (KPTM) antaranya menerusi media sosial dan *website* seperti *FB Live*, *Facebook* dan *Instagram* secara meluas.

MARA juga terlibat dalam aktiviti promosi seperti Karnival Pendidikan Tinggi Negara, Karnival Institusi Pendidikan MARA dan penawaran terbuka kepada penduduk luar bandar melalui Pusat Latihan GiatMARA di setiap parlimen. Pelaksanaan sekolah angkat di negeri/daerah juga giat diadakan bagi menarik minat pelajar luar bandar terutamanya ke institusi TVET.

Disamping itu, MARA turut bekerjasama dengan Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) serta komuniti Felda untuk memberi penerangan mengenai peluang melanjutkan pengajian ke IPMa.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDÉE
[BELURAN]

TARIKH : 2 JULAI 2019

SOALAN

Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta MENTERI LUAR NEGERI menyatakan apakah faktor yang menyumbang kepada fenomena di mana lebih 50% daripada rayuan permohonan status pelarian di "Australian Administrative Appeals Tribunal" (AAT) antara 2017-2018 adalah dari rakyat Malaysia serta adakah terdapat usaha dari Kerajaan untuk meneliti isu ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Kementerian Luar Negeri sedia maklum akan peningkatan jumlah permohonan bagi mendapatkan visa perlindungan (*protection visa*) atau status pelarian, oleh warga Malaysia daripada Kerajaan Australia seperti yang dilaporkan oleh, (dengan izin Yang di-Pertua), *Australian Administrative Appeals Tribunal (AAT)*.

3. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, ramai rakyat Malaysia membuat permohonan visa perlindungan sebagai salah satu cara untuk terus menetap lebih lama di Australia. Bagi tempoh Julai 2018 hingga April 2019, sebanyak 4,973 permohonan telah diterima oleh AAT daripada warganegara Malaysia.

4. Terdapat beberapa faktor tarikan yang menyebabkan rakyat Malaysia ingin menetap lebih lama di Australia. Pertama, sistem imigresen Australia yang agak terbuka, dimana ianya membolehkan mana-mana warganegara memohon visa perlindungan. Di bawah **Seksyen 36(2)(a)**, **Akta Migrasi 1958** Australia, seseorang boleh memohon visa perlindungan sekiranya ianya merupakan seorang pelarian; dan dibawah **Seksyen 36(2)aa** sekiranya terdapat sebab dan bukti kukuh bahawa terdapat bahaya yang signifikan (*significant harm*) sekiranya pemohon pulang ke negara asal. *Significant harm* termasuklah ancaman kepada nyawa, pelaksanaan hukuman mati, penderaan serta layanan/hukuman yang kejam dan tidak berperikemanusiaan.

5. **Seksyen 36(4)(a)** pula menyatakan bahawa, Australia bertanggungjawab memberikan perlindungan kepada pemohon yang bimbang akan penganiayaan terhadap dirinya atas faktor bangsa,

NO. SOALAN : 9

agama, fahaman politik, kewarganegaraan dan keanggotaan dalam mana-mana organisasi di negara asal. Ini selaras dengan tanggungjawab Australia sebagai negara yang telah menandatangani **Konvensyen Mengenai Status Pelarian (1951)** pada tahun 1954.

6. Dalam hal ini, kebanyakan rakyat Malaysia yang memohon visa perlindungan telah mengemukakan pelbagai alasan, antaranya, tekanan keluarga, diskriminasi kaum, bangsa, agama, LGBTQ dan penderaan domestik.

7. Faktor kedua, prosedur permohonan visa perlindungan yang murah dan mudah, dengan kos yang berharga hanya AUD35, ataupun bersamaan dengan RM100. Setelah mendapat visa perlindungan pula, pemegang visa boleh terus menetap di Australia selama lima (5) tahun, dan visa ini boleh diperbaharui tanpa had masa.

8. Ketiga, kepelbagaian jenis visa Australia membuka banyak ruang kepada warga asing menetap lebih lama di Australia. Sebagai contoh, pemegang *bridging visa* boleh tinggal di Australia selama mana proses permohonan visa jenis lain, seperti visa perlindungan, masih berjalan.

9. Keempat, program penghijrahan yang diperkenalkan oleh Kerajaan Australia sejak tahun 1945, yang bertujuan memenuhi keperluan tenaga buruh telah menarik minat lebih ramai lagi rakyat Malaysia untuk berhijrah ke negara tersebut.

10. Kelima, pesalah-pesalah imigresen dikenakan hukuman yang ringan di mana mereka akan dihantar pulang ke negara asal dengan segala kos penerbangan ditanggung sepenuhnya oleh Kerajaan Australia.

11. Dan yang keenam, ramai rakyat Malaysia tertarik dengan peluang pekerjaan, gaji lumayan dan taraf hidup yang lebih selesa di Australia.

12. Selanjutnya, sistem pendidikan Australia yang bertaraf antarabangsa juga mendorong ramai rakyat Malaysia berhijrah dan

NO. SOALAN : 9

menetap di Australia, bagi peningkatan kualiti hidup keluarga mereka dalam jangka panjang, berbanding di Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua,

13. Kerajaan Malaysia tidak pernah menindas atau menganiayai rakyat atas faktor bangsa, agama, kerakyatan atau pegangan politik mereka. Malah, perlindungan hak asasi manusia rakyat dijamin oleh Perlembagaan Persekutuan. Kerajaan Malaysia Pakatan Harapan juga sememangnya komited dalam memastikan hak-hak asasi manusia dijamin dan sentiasa dilindungi di negara ini.

14. Tindakan rakyat Malaysia yang membuat permohonan visa perlindungan daripada kerajaan Australia atas dakwaan bahawa terdapat ancaman bahaya ke atas mereka jika pulang ke Malaysia, wajar dilihat sebagai alasan dan justifikasi untuk terus dibenarkan menetap di negara tersebut.

15. Kementerian Luar Negeri, dengan kerjasama Jabatan Imigresen Malaysia, akan terus bekerjasama dengan pihak berkuasa Australia dalam memantau permohonan visa perlindungan dan status pelarian oleh rakyat Malaysia.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 10

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan dan perancangan pihak Kementerian untuk mengawal harga perumahan yang semakin meningkat dan tidak mampu dibeli oleh mereka yang berpendapatan sederhana dan rendah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, secara umumnya, peningkatan harga rumah dipengaruhi oleh beberapa faktor. Antaranya adalah harga tanah, kos bahan binaan, kos bahan mentah, kos pematuhan seperti caj premium tanah, caj sumbangan utiliti yang dikenakan oleh pembekal perkhidmatan utiliti serta kadar keuntungan yang diambil oleh pemaju.
2. Antara usaha yang telah diambil oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) bagi menangani isu harga rumah adalah:
 - i. Bagi pembeli rumah pertama bernilai sehingga RM500,000, Kerajaan akan memberi pengecualian duti setem sehingga

RM300,000 yang pertama ke atas surat cara pindah milik dan perjanjian pinjaman bagi tempoh 2 tahun iaitu sehingga Disember 2020;

- ii. Kerajaan juga telah mengumumkan pengecualian duti setem ke atas surat cara pindah milik bagi pembelian rumah pertama, berharga antara RM300,001 sehingga RM1 juta berkuat kuasa mulai 1 Januari 2019 sehingga 31 Disember 2019 (dilanjutkan selama 6 bulan oleh MOF) melalui Kempen Pemilikan Rumah (HOC). Melalui kempen HOC ini juga pemaju akan menawarkan potongan diskaun 10% ke atas harga hartanah kediaman projek sedia ada;
- iii. Kerajaan juga telah mengumumkan pengecualian SST bagi perkhidmatan pembinaan dan bahan binaan. Persatuan Pemaju Hartanah dan Perumahan Malaysia (REHDA) juga telah bersetuju untuk mengurangkan 10% harga rumah untuk projek baharu bagi unit rumah yang tidak tertakluk kepada kawalan harga;
- iv. Kerjasama dengan Kementerian Kerja Raya (KKR) supaya kaedah pembinaan melalui Sistem Bangunan Industri atau *Industrialised Building System (IBS)* ditambah baik agar kos pembinaan dapat dikurangkan dengan tidak mengabaikan standard kualiti perumahan;
- v. Penetapan kategori harga rumah berdasarkan pendapatan mengikut kawasan iaitu bandar dan luar bandar serta jenis rumah; dan
- vi. Sasaran penyediaan 1 juta rumah mampu milik (RMM) dalam tempoh 10 tahun 2018 - 2028.

3. Selain itu, langkah sedia ada bagi mengekang kenaikan harga rumah akan terus dilaksanakan antaranya:

- i. Mensyaratkan pemaju untuk mempamerkan ketelusan harga jualan hartanah secara terperinci termasuk semua manfaat / insentif yang bakal diberikan kepada pembeli;
- ii. Melarang pemaju melaksanakan kaedah pemasaran berasaskan *Developer Interest Bearing Scheme* (DIBS) yang dikhuatiri boleh mengelirukan dan memanipulasi pembeli rumah;
- iii. Kerajaan akan memperkemas Cukai Keuntungan Harta Tanah (CKHT) ke atas keuntungan daripada pelupusan harta tanah dan saham dalam syarikat hartanah dalam tahun ke-6 dan tahun seterusnya, seperti berikut:
 - a) Bagi syarikat, individu bukan warganegara dan bukan pemastautin tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada 5% kepada 10%; dan
 - b) Bagi individu warganegara dan penduduk tetap, kadar CKHT dinaikkan daripada 0% kepada 5%. Walau bagaimanapun, CKHT dikecualikan atas harga hartanah, rumah kos rendah, rumah kos sederhana rendah dan rumah mampu milik di bawah RM200,000.
- iv. Menaikkan harga jualan minimum rumah yang boleh dibeli oleh warga asing kepada RM 1 Juta seunit;
- v. Mewajibkan semua pemaju untuk melaporkan pembelian pukal yang melebihi 4 unit hartanah dalam satu pemajuan oleh mana-mana individu mahupun syarikat; dan

- vi. Mengeluarkan panduan mengenai *Loan to Value* (LTV) bagi pembelian rumah ketiga dan seterusnya di mana pembeli hanya akan memperoleh pinjaman maksima 70% sahaja. Selebihnya perlu ditanggung sendiri.
4. Selain itu, KPKT juga sedang mengadakan konsultasi dan perbincangan berterusan bersama pihak Kerajaan Negeri dan agensi-agensi berkaitan untuk mengkaji dan menetapkan kaedah terbaik supaya pelaksanaan projek perumahan terutamanya projek rumah mampu milik dapat diberikan kelulusan atau pengecualian khas seperti:-
- i. pengurangan caj premium tanah yang dikenakan oleh Kerajaan Negeri;
 - ii. penyediaan tapak yang strategik oleh pihak Kerajaan Negeri bagi pembinaan rumah mampu milik; dan
 - iii. pengecualian atau pengurangan caj sumbangan utiliti, di mana pembekal perkhidmatan utiliti seperti TNB, Syarikat Air Negeri, TELEKOM dan IWK menyediakan sendiri kemudahan utiliti di kawasan perumahan tersebut.
5. Usaha ini diharap dapat membantu mengurangkan kos pembangunan projek perumahan dan secara tidak langsung menurunkan harga rumah di pasaran yang seterusnya dapat membantu Kerajaan dan pihak pemaju perumahan swasta untuk meningkatkan lagi penawaran rumah terutamanya rumah mampu milik kepada rakyat.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR
KAWASAN : JOHOR BAHRU
TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB TUAN HAJI AKMAL NASRULLAH BIN MOHD NASIR minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan adakah Kementerian Kerja Raya dan Lembaga Lebuhraya Malaysia mempunyai hasrat untuk menghentikan urusan tambah nilai kad Touch & Go di Kompleks Custom, Immigration and Quarantine (CIQ) di Kompleks Bangunan Sultan Iskandar untuk menolong menyelesaikan masalah kesesakan di Tambak Johor.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya (KKR) dan Lembaga Lebuhraya Malaysia (LLM) prihatin dengan masalah kesesakan di pintu-pintu masuk negara, khususnya di Kompleks Kastam, Imigresen dan Kuarantin (CIQ), Bangunan Sultan Iskandar (BSI), Johor Bahru yang antara lain dikatakan berpunca daripada perkhidmatan tambah nilai kad Touch N Go. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, perkhidmatan tambah nilai ini telah ditamatkan khususnya di dalam CIQ, BSI. Langkah ini merupakan salah satu daripada cadangan penyelesaian *Quick Win* yang dilaksanakan dalam menangani isu ini. Walau bagaimanapun, pihak PLUS menyediakan *runner* untuk membantu pengguna yang mengalami masalah baki kurang sahaja.

Selain daripada itu, bagi mengatasi masalah baki kurang di lorong, pihak PLUS bersama-sama Touch 'n Go Sdn Bhd sedang dalam fasa pelaksanaan sistem pembayaran digital melalui TNG PayDirect. PayDirect ialah kaedah pembayaran tol menggunakan Kad TNG di mana kadar tol ditolak menerusi aplikasi TNG e-Wallet.

Pelanggan boleh menambah nilai e-Wallet tersebut serta merta di mana-mana sahaja melalui aplikasi e-Wallet. Sistem PayDirect ini telah mula digunakan pada 1 Julai 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB DATO' SRI HAJAH NANCY SHUKRI
[BATANG SADONG]**

TARIKH : 2 JULAI 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan peruntukan untuk menaik taraf infrastruktur dan kemudahan pelancongan taman-taman negara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas (RMKe-11), Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya telah memperuntukkan sebanyak RM51 juta untuk melaksanakan projek pembangunan di taman-taman negara di seluruh Malaysia seperti berikut:

1. Peningkatan Kemudahan Pelancongan Projek Pembangunan Di Taman Negara Niah, Miri, Sarawak (RM3.4 juta);
2. Projek Pembangunan Eko-Pelancongan di Taman Negara Kuching Wetland (KWNP), Kuching, Sarawak (RM1.1 juta);
3. Pembangunan Kemudahan Ecotourism di Taman Negara Santubong, Kuching, Sarawak (RM2.9 juta);

4. Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Burlington Taman Kinabalu, Ranau, Sabah (RM12 juta);
5. Pembinaan Sistem Saliran Air dan Pembinaan Loji/Kumbahan Najis, Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu, Sabah (RM5.4 juta);
6. Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan Kawasan Layang-layang, Gunung Kinabalu, Taman Kinabalu, Ranau, Sabah (RM13.8 juta);
7. Projek Membaiki Kemudahan Pelancongan Di Taman Negara, Kuala Tahan Pahang (RM0.5 juta);
8. Projek Pembangunan Ecotourism di Taman Negara Kuala Tahan, Jerantut, Pahang (RM4.2 juta);
9. Projek Peningkatan Kemudahan Pelancongan di Sg. Tukun, Taman Negara Pulau Pinang (RM2.5 juta); dan
10. Pembangunan Ecotourism Taman Negara Pulau Pinang (RM5.1 juta).

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian sentiasa bekerjasama erat dengan semua Kerajaan Negeri dalam memberi perhatian kepada produk-produk pelancongan yang berpotensi untuk dibangunkan atau dinaik taraf.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 13

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] meminta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan dasar Kementerian dalam menentukan struktur fi untuk pengamal perubatan am swasta di klinik swasta. Adakah Kementerian akan menyelaraskan fi pengamal perubatan swasta di hospital yang telah diluluskan pada tahun 2013.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kos rawatan pesakit di hospital dan klinik swasta adalah terdiri daripada fi perundingan dan tatacara serta lain-lain kos hospital dan klinik. Fi perundingan dan tatacara di hospital swasta adalah dipantau berpandukan Jadual Ketiga Belas, Perintah Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta (Hospital Swasta dan Kemudahan Jagaan Kesihatan Swasta Lain) (Pindaan) 2013 di bawah Akta Kemudahan dan Jagaan Kesihatan Swasta 1998 [Akta 586]. Jadual ini menetapkan harga siling atau had maksimum untuk fi profesional iaitu fi perundingan dan fi tatacara pengamal perubatan atau pergigian swasta.

Manakala untuk klinik swasta pula, fi profesional yang dikenakan untuk perundingan dan tatacara perubatan adalah dikawal dibawah Jadual Ketujuh Peraturan-Peraturan Kemudahan dan

Perkhidmatan Swasta (Klinik Perubatan Swasta atau Klinik Pergigian Swasta) 2006. Jadual ini memperuntukkan fi profesional dalam julat fi yang diselaraskan. Dengan mengawal fi profesional melalui kedua-dua Jadual ini, rakyat akan dilindungi daripada dikenakan caj perkhidmatan kesihatan yang terlampau tinggi.

Walau bagaimanapun, selain daripada fi profesional, KKM tidak mengawal caj bagi penginapan, caj tatacara kejururawatan, caj peralatan seperti caj alat pakai buang (jarum, picagari, gauze dan lain-lain), caj ujian makmal dan caj ubat-ubatan.

Untuk makluman YB Klang, bagi menyelaraskan fi pengamal Perubatan swasta, KKM mengambil maklum akan kesukaran yang dihadapi oleh pengamal perubatan swasta yang berdepan dengan kenaikan kos dalam memberikan perkhidmatan perubatan kepada rakyat.

Di dalam mempertimbangkan cadangan semakan fi perundingan pengamal perubatan swasta ini, KKM telah mengambil kira pandangan pelbagai pihak. Selain daripada pengamal perubatan swasta, KKM juga telah mendapatkan pandangan daripada persatuan-persatuan pengguna dan majikan-majikan daripada pelbagai sektor industri. Sesi *town hall* yang melibatkan pengamal perubatan swasta dan pihak-pihak berkepentingan ini juga telah diadakan pada 27 Ogos 2018.

Cadangan semakan fi perundingan pengamal perubatan swasta ini telah pun diangkat ke Jemaah Menteri pada 24 April 2019 untuk persetujuan. Susulan daripada itu, Jemaah Menteri telah meminta agar cadangan ini dibincangkan terlebih dahulu di dalam Majlis Tindakan Kos Sara Hidup Negara sebelum sebarang keputusan dapat diambil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' HASBULLAH BIN OSMAN [GERIK]

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 14

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah usaha-usaha terkini yang dijalankan oleh pihak Kementerian dalam membendung masalah banjir kilat yang kian meningkat di seluruh negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, untuk mengatasi masalah banjir kilat yang semakin meningkat, memerlukan penglibatan dan bidang kuasa pelbagai Kementerian dan Agensi seperti Kementerian Kerja Raya (KKR), Kementerian Air, Tanah dan Sumber Asli (KATS), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Perancang Bandar dan Desa (PLANMalaysia) dan Kerajaan Negeri.
2. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Kerajaan Tempatan (JKT) telah mengeluarkan Pekeliling berhubung Syor-Syor Kawalan Pembangunan di Kawasan Banjir kepada

Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk memperkukuhkan tahap kesediaan mereka dalam menghadapi masalah banjir di kawasan masing-masing seperti berikut:

- (i) PBT perlu mematuhi keputusan mesyuarat Jemaah Menteri pada 23 Februari 2000 di mana mereka harus memastikan pemaju projek mengemukakan pelan topografi yang jelas menunjukkan sistem semula jadi yang sedia ada sebelum pembangunan diluluskan; dan
- (ii) PBT perlu mengguna pakai pelan/foto "*remote sensing*" bagi kawasan yang sering mengalami banjir. Perkara ini boleh diperolehi daripada agensi-agensi yang memang ditugaskan untuk mengumpulkan data-data itu seperti Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS). Ini dapat mengelakkan kelulusan pembangunan di kawasan yang sering dilanda banjir.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, KPKT telah menyediakan undang-undang, garis panduan dan pekeliling berkaitan dengan kawalan pembangunan sebagai panduan kepada PBT. Ia bertujuan untuk memastikan projek pembangunan termasuk projek perumahan yang dibangunkan tidak akan mengakibatkan bencana seperti banjir kilat di kawasan sekeliling. Selain itu, peraturan tersebut juga mengambil kira aspek-aspek keselamatan, kesejahteraan awam dan kelestarian alam sekitar. Akta dan Undang-undang Kecil yang perlu dipatuhi oleh pemaju perumahan sebelum sesuatu projek pembangunan dilaksanakan adalah seperti berikut:

- (i) Akta Jalan, Parit Dan Bangunan 1974 (Akta 133);
- (ii) Akta Perancangan Bandar Dan Desa 1976 (Akta 172); dan

(iii) Undang-undang Kecil Bangunan Seragam 1984 (UKBS 1984).

4. Selain itu, PBT juga dinasihatkan tidak meluluskan apa-apa pembangunan di kawasan berisiko bencana. PBT perlu memastikan pemaju mematuhi syarat-syarat agensi teknikal seperti Jabatan Kerja Raya (JKR), Jabatan Pengairan dan Saliran (JPS), Jabatan Alam Sekitar (JAS) dan lain-lain yang berkaitan.

5. Bagi mengatasi masalah banjir kilat, Manual Saliran Mesra Alam (MSMA) telah diperkenalkan oleh JAS bagi membuat kawalan di punca dalam pengurusan air larian hujan di negara ini. Pendekatan yang digunakan dalam MSMA adalah kaedah takungan, tahanan dan resapan bagi mengurang atau memperlahankan bebanan terus air larian ke sungai pada waktu puncak. Kaedah ini akan dapat mencegah atau mengurangkan risiko kejadian banjir kilat.

6. Selain dari itu, KPKT juga telah mengambil tindakan untuk menambah baik sistem saliran di kawasan-kawasan PBT. Untuk tempoh Januari hingga Jun 2019, KPKT telah meluluskan peruntukan sebanyak RM25.9 juta untuk melaksanakan 165 projek membina dan menaik taraf sistem longkang dan parit di kawasan-kawasan PBT di seluruh negara.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : PUAN JUNE LEOW HSIAD HUI
[HULU SELANGOR]**

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

SOALAN : 15

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan jumlah Taman Asuhan Kanak-Kanak (TASKA) dan Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA) Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS). Adakah Kementerian bercadang untuk mewujudkan TABIKA dan TASKA tambahan serta menaik taraf pendidikan pra-sekolah KEMAS.

JAWAPAN

Sehingga 15 Jun 2019, Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) mempunyai sebanyak **10,966 buah Taman Bimbingan Kanak-kanak (TABIKA)** dan **509 buah Taman Asuhan Kanak-kanak (TASKA)** di seluruh Malaysia. Jumlah ini adalah termasuk 4 buah TASKA baharu yang dibuka pada tahun ini.

Kementerian melalui KEMAS mensasarkan untuk membuka sebanyak **34 buah TABIKA** dan **20 buah TASKA** di seluruh negara bagi tahun 2020. Bagi menaik taraf pendidikan pra-sekolah KEMAS, tahap profesionalisme Pemaju Masyarakat (PM) KEMAS terutamanya Pemaju Masyarakat TABIKA dan TASKA akan dipertingkatkan. Sehingga kini terdapat seramai 70% (7,647 orang) dari jumlah keseluruhan 10,766 Pemaju Masyarakat TABIKA telah memiliki Diploma termasuk Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Tambahan pula sejak 2017, Kemas telah mensyaratkan semua pengambilan baru Pemaju Masyarakat tabika mesti mempunyai Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak.

SOALAN NO : 15

Sepanjang tempoh lima tahun (2019-2023), KEMAS menasarkan seramai 959 orang PM TABIKA untuk mengikuti Diploma Pendidikan Awal Kanak-Kanak. Manakala, keseluruhan seramai 1,634 orang Pemaju Masyarakat TASKA KEMAS telah memiliki Diploma. Selain itu, KEMAS juga mengambil inisiatif untuk meningkatkan taraf pendidikan awal kanak-kanak KEMAS melalui langkah-langkah berikut :

(i) Memperkasakan penggunaan Kurikulum Standard Prasekolah Kebangsaan (KSPK) yang digubal dengan tujuan untuk membangunkan modal insan yang menghayati nilai-nilai murni berteraskan keagamaan, berpengetahuan, berketerampilan, berfikiran kritis dan kreatif serta inovatif.

(ii) Memperkenalkan Modul e-STREAM (*Science, Technology, Religions, Engineering, Arts, Mathematics*) yang dibangunkan dengan kerjasama pakar-pakar dari bidang pendidikan seperti Universiti Pendidikan Sultan Idris (UPSI), Akademi Seni Budaya dan Warisan Kebangsaan (ASWARA) dan Pertubuhan Sekolah Belantara yang bertujuan memupuk minat kanak-kanak seawal usia dalam bidang sains dan teknologi. Modul ini mengambilkira pekerjaan berkaitan bidang STREAM seperti *aviation, aerospace, astronomy, automotive, oil and gas, medical science* serta *robotic* yang amat diperlukan pada masa akan datang.

(iii) Program Peningkatan Kemahiran Bahasa Inggeris melalui pelaksanaan program *English Is Fun* yang berkonsepkan "*English Day*" dengan pengisian aktiviti pembelajaran secara interaktif dalam bentuk animasi dan *motion graphic*. Peningkatan Kecekapan Bahasa Inggeris dalam kalangan Pemaju Masyarakat TABIKA KEMAS juga dipergiatkan melalui latihan berterusan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' MOHD NIZAR BIN HAJI
ZAKARIA [PARIT]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 16

minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan :-

- (a) apakah usaha yang telah dilaksanakan oleh pihak Kementerian untuk mentransformasikan Malaysia menjadi sebuah negara usahawan; dan
- (b) apakah pelan strategik yang akan dilaksanakan bagi membantu usahawan di Malaysia.

JAWAPAN (a)

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) komited untuk menerajui usaha pembangunan keusahawanan yang terancang dan bersepadu ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Keusahawanan menjelang tahun 2030. Ke arah ini, usaha-usaha yang dilaksanakan, di antaranya adalah:

- (i) mewujudkan bilangan komuniti usahawan yang optimum (*critical mass of entrepreneurs*) melalui pelaksanaan program-program *outreach* dan program-program kesedaran keusahawanan di pelbagai peringkat serta dalam sektor ekonomi tertentu dan

NO. SOALAN : 16

bidang pertumbuhan tinggi selain memberi pengiktirafan kepada usahawan tempatan dan mempromosikan keusahawanan sebagai kerjaya pilihan;

(ii) memantapkan pelaksanaan pendidikan dan kemahiran keusahawanan bermula dari peringkat sekolah rendah hingga peringkat pendidikan tertiar termasuk dalam Pendidikan dan Latihan Teknikal dan Vokasional (TVET);

(iii) merasionalisasi peranan dan fungsi agensi-agensi dan organisasi-organisasi yang melaksanakan program pembangunan keusahawanan (*Entrepreneurship Development Organisations - EDOs*) untuk mengoptimumkan penggunaan sumber dalam pelaksanaan program keusahawanan di samping memastikan keberkesanan dan keberhasilan pelaksanaannya;

(iv) meningkatkan peluang dan galakan untuk menceburi bidang keusahawanan terutamanya dalam kalangan Bumiputera, golongan terpinggir termasuk isi rumah berpendapatan rendah (B40), penduduk kawasan pedalaman dan orang kelainan upaya (OKU) serta kumpulan fokus khas seperti wanita, belia, warga emas dan masyarakat Orang Asli/Asal melalui program-program *outreach*, bantuan dan intervensi bersasar; dan

(v) memacu perusahaan berteraskan inovasi (*innovation driven enterprise*) dan industri pertumbuhan tinggi (*high growth industry*) melalui bantuan bersasar.

Perjalanan transformasi untuk merealisasikan matlamat sebuah Negara Keusahawanan juga bertitik tolak daripada kerjasama secara efektif, koordinasi yang mampan serta komitmen dan sokongan daripada pelbagai pihak. Tumpuan juga harus diberi kepada usaha membina hubungan kerjasama yang seimbang di antara sektor awam dan swasta secara kolektif.

JAWAPAN (b)

Tuan Yang di-Pertua,

MED akan melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) pada 11 Julai 2019 yang menggariskan strategi jangka panjang bagi menetapkan halatuju pembangunan keusahawanan negara ke arah menjadikan Malaysia sebagai sebuah Negara Keusahawanan menjelang tahun 2030.

Susulan pelancaran DKN kelak, MED akan mengadakan kolaborasi dan kerjasama strategik dengan Kementerian-kementerian dan agensi-agensi untuk membangunkan pelan tindakan yang memperincikan strategi-strategi dan inisiatif-inisiatif yang akan dilaksanakan di bawah DKN. Melalui DKN dan pelan tindakan ini, MED berhasrat untuk mewujudkan sebuah ekosistem keusahawanan yang merentasi semua bidang industri dan merangkumi setiap peringkat usahawan dalam negara.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN NOORITA SUAL
KAWASAN : TENOM
TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB PUAN NOORITA SUAL minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan Jambatan Tenom lama yang baharu kerana jambatan sedia ada sudah melebihi 40 tahun dan telah mengalami keretakan yang boleh mengancam keselamatan pengguna.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya mengambil maklum keadaan Jambatan Tenom di mana jambatan sedia ada kini sudah berumur melebihi 40 tahun dan telah mengalami keretakan yang boleh mengancam keselamatan pengguna.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, pihak Kementerian mempunyai perancangan dan program khusus untuk menggantikan / menaiktaraf jambatan-jambatan yang uzur / kurang berkemampuan untuk menampung beban yang lebih tinggi di seluruh Malaysia terutamanya di Sabah dan Sarawak. Ini termasuklah penggantian Jambatan Tenom di mana dokumen tender telah disediakan dan dijangka ditender pada bulan Ogos 2019 ini.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK AARON AGO DAGANG [KANOWIT]

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

SOALAN : 18

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan status pelaksanaan projek-projek infrastruktur luar bandar dan utiliti di Sarawak bagi tahun 2019.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian telah diluluskan peruntukan sejumlah RM241.9 juta bagi pelaksanaan projek Bekalan Elektrik Luar Bandar (BELB) di Negeri Sarawak untuk tahun 2019. Peruntukan tersebut akan membiayai lapan (8) projek baharu dan 14 projek sambungan. Bilangan rumah yang disasarkan untuk menerima bekalan elektrik pada tahun 2019 adalah berjumlah 3,950 buah rumah.

Lapan (8) projek baharu yang diluluskan adalah dalam proses pelantikan perunding dan dijangka ditender pada awal tahun depan. Manakala bagi 14 projek sambungan, lapan (8) daripadanya telah siap sepenuhnya dan enam (6) projek berstatus dalam pelaksanaan. Projek-projek sambungan ini dijangka siap sepenuhnya selewat-lewatnya pada bulan April 2020.

Untuk makluman Yang Berhormat juga, bagi Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sarawak, Kementerian telah diluluskan sebanyak RM193.5 juta bagi tahun 2019. Peruntukan ini akan membiayai 35 projek sambungan Bekalan Air Luar Bandar (BALB) yang sedang dan

NO. SOALAN : 18

akan dilaksanakan. Daripada 35 projek tersebut, tiga (3) projek telah siap pembinaan, empat (4) projek adalah dalam peringkat pelaksanaan, lapan (8) projek di dalam proses perolehan, sembilan (9) projek dalam peringkat reka bentuk manakala 11 projek sedang dalam proses pelantikan perunding dan jurukur tanah.

Manakala bagi Projek Jalan Luar Bandar (JALB), peruntukan sebanyak RM199.96 juta telah diluluskan pada tahun 2019. Peruntukan ini akan membiayai 31 projek sambungan dan 10 projek baru yang akan memberi manfaat kepada 417,000 penduduk. Status semasa projek ini adalah di dalam pelbagai peringkat pelaksanaan iaitu satu (1) projek telah siap, lima (5) projek di peringkat pembinaan, enam (6) projek di peringkat perolehan, lima (5) projek di dalam peringkat rekabentuk dan 24 projek di dalam peringkat perancangan.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI
KAWASAN : PADANG SERAI
TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB TUAN KARUPAIYA A/L MUTUSAMI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan secara terperinci perkembangan terkini kerja penyelenggaraan cerun secara kerja pembaikan dan secara kerja pencegahan

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya telah menerima peruntukan di bawah butiran Belanja Mengurus (B27) sebanyak RM20 Juta untuk penyenggaraan cerun di Jalan Persekutuan seluruh Malaysia bagi tahun 2019. Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM10 juta diperuntukkan kepada cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung dan RM10 juta lagi diperuntukkan bagi cerun di Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak & WP Labuan.

Sebanyak RM10 juta telah diagihkan untuk kerja pembaikan di 22 lokasi cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung Malaysia yang juga merupakan kerja sambungan dari tahun 2018. Manakala sebanyak RM10 juta lagi telah diagihkan bagi kerja-kerja pembaikan cerun untuk 22 lokasi di Jalan Persekutuan Sabah, Sarawak dan WP Labuan. Jumlah keseluruhan adalah sebanyak 44 lokasi.

Daripada jumlah tersebut, bilangan Arahan Kerja/surat setuju terima yang telah dikeluarkan sehingga pertengahan Jun 2019, adalah sebanyak 33 lokasi. Baki 11 lokasi melibatkan 9 lokasi di Sabah dan 2 lokasi di Sarawak yang masih dalam proses perolehan/reka bentuk.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Kementerian Kerja Raya turut menerima peruntukan melalui Inisiatif Pembiayaan Swasta (PFI II) bagi pelaksanaan kerja penyenggaraan cerun secara pembaikan (*corrective*) dan penyenggaraan pencegahan (*preventive*) dengan nilai peruntukan sebanyak RM275.6juta bagi tahun 2019.

Daripada jumlah tersebut, sebanyak RM115.6 juta diperuntukkan bagi kerja cerun di Jalan Persekutuan Semenanjung di mana sebanyak RM29.7 juta diperuntukkan bagi kerja-kerja pengumpulan data, RM85.9 juta bagi kerja pembaikan dan pencegahan. Sehingga pertengahan Jun 2019, hanya kerja-

kerja pembaikan cerun yang dilaksanakan terlebih dahulu memandangkan kerja tersebut lebih kritikal berbanding kerja pencegahan. Bilangan lokasi kerja pembaikan di Semenanjung Malaysia adalah sebanyak 137. Arahan Kerja yang telah dikeluarkan adalah sebanyak 103 dan baki 34 lokasi masih dalam proses pengeluaran Arahan Kerja.

Manakala bagi Sabah dan Sarawak sebanyak RM10 juta telah diagihkan untuk pelaksanaan kerja-kerja pembaikan cerun yang melibatkan 7 lokasi di Sabah dengan peruntukan sebanyak RM7.5 juta di mana sehingga pertengahan Jun 2019, 5 Arahan Kerja telah dikeluarkan dan 2 lagi dalam peringkat kelulusan rekabentuk. Bagi Sarawak pula, pelaksanaan kerja-kerja pembaikan cerun melibatkan 2 lokasi dengan peruntukan sebanyak 2.5 juta yang masih di peringkat cadangan reka bentuk.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB TUAN SABRI BIN AZIT [JERAJ]

TARIKH : 2 JULAI 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah Kementerian untuk melestarikan tulisan Jawi di tempat-tempat tumpuan pelancongan agar warisan sejarah dapat terus dimartabatkan di persada negara.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Penggunaan tulisan Jawi di tempat-tempat tumpuan pelancong adalah di bawah bidang kuasa pihak berkuasa tempatan (PBT) dan terdapat kerajaan negeri yang menggalakkan penggunaan tulisan Jawi seperti negeri Kelantan dan Terengganu. Walau bagaimanapun, Kementerian ini melalui Perpustakaan Negara Malaysia (PNM) sebagai urus setia Kempen Pembudayaan Tulisan Jawi sejak 2006 sentiasa menerajui usaha-usaha melestarikan tulisan Jawi dalam kalangan rakyat Malaysia termasuk kepada pelancong luar negara menerusi pelbagai pendekatan seperti berikut:

1. Penggunaan papan tanda di premis PNM sebagai bangunan ikonik berkonsepkan pelancongan ilmu yang disediakan dalam dua versi tulisan iaitu jawi dan rumi. Inisiatif ini bertepatan dengan pengiktirafan bangunan PNM sebagai Bangunan Warisan Kebangsaan pada tahun 2018;

2. Mengatur lawatan ke Pusat Kebangsaan Manuskrip Melayu sebagai lokasi yang wajib dilawati pelancong sekiranya mereka berkunjung ke Perpustakaan Negara Malaysia. Ia sejajar dengan kedudukan pusat ini sebagai pusat penyimpanan manuskrip Melayu terbesar di dunia dengan jumlah simpanan sebanyak 4,964 naskhah;

3. Menganjurkan program/aktiviti, pameran dan persidangan berkaitan tulisan Jawi pada setiap tahun. Pada bulan Oktober 2019, Perpustakaan Negara Malaysia akan menganjurkan Pameran dan Persidangan Antarabangsa Manuskrip Melayu 2019 yang melibatkan penyertaan dari dalam dan luar negara;

4. Menerbitkan Rancangan Klinik Jawi menerusi Radio IKIM dan facebook *go live* IKIM yang boleh diakses di seluruh dunia; dan

5. Menerapkan reka bentuk bermotifkan tulisan Jawi yang diadaptasi daripada naskhah manuskrip Melayu dalam produk kraf tangan dan seni khat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 21

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan perkembangan penubuhan Sekretariat Muafakat Komuniti di Projek Perumahan Rakyat di seluruh negara. Berapa jumlah Sekretariat Muafakat Komuniti ini yang akan ditubuhkan sebelum akhir tahun ini dan adakah ianya melibatkan PPR di negeri Kedah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga kini Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah menubuhkan 2 buah Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK). PSMK yang pertama adalah di Program Perumahan Rakyat (PPR) Lembah Subang 2, Selangor yang telah ditubuhkan pada 30 September 2018. PSMK yang kedua pula adalah di PPR Kota Baharu, Kelantan yang ditubuhkan pada 20 April 2019.

2. Sebanyak 11 PSMK secara rintis akan ditubuhkan di seluruh negara sebelum akhir tahun ini dan 2 buah PSMK dirancang akan

ditubuhkan di negeri Kedah iaitu di PPR Kuah dan PPR Paya Nahu 2. Perincian adalah seperti berikut:

BIL.	NEGERI	PEJABAT SEKRETARIAT MUAFAKAT KOMUNITI
1.	Kelantan	PPR Gua Musang
2.	Negeri Sembilan	PPR Senawang (dikenali juga sebagai PPR Jasmine)
3.	Melaka	PPR Ayer Panas (dikenali juga sebagai PPR Tehel)
4.	Perlis	PPR Mukim Sena (dikenali juga sebagai PPR Sena)
5.	Terengganu	PPR Padang Hiliran (dikenali juga sebagai PPR Hiliran)
6.	Kedah	PPR Paya Nahu 2
7.		PPR Kuah (dikenali juga sebagai Taman Dahlia)
8.	Sarawak	PPR Kemena, Bintulu
9.	Pahang	Flat Pak Mahat, Kuantan
10.	Sabah	PPR Telipok, Kota Kinabalu
11.	Perak	PPR Batu 2 ½, Taiping

3. PSMK ini merupakan platform untuk memudah cara dan menjalinkan hubungan antara komuniti dengan agensi Kerajaan, swasta dan Badan Bukan Kerajaan (NGO). Ia juga membolehkan anggota komuniti menyuarakan masalah-masalah yang dihadapi serta mengemukakan cadangan-cadangan program yang ingin dilaksanakan melalui Ketua Komuniti. Antara fungsi PSMK adalah seperti berikut:

- (i) Menguruskan profil komuniti;
- (ii) Mengadakan libat urus komuniti;

- (iii) Menguruskan latihan untuk sukarelawan;
- (iv) Menganjur, merekodkan dan melaporkan program dan aktiviti komuniti;
- (v) Menyalurkan maklumat kepada komuniti;
- (vi) Menerima cadangan, aduan dan isu penyelenggaraan dan menyalurkannya kepada pihak berkaitan; dan
- (vii) Membantu proses dan kaunseling dengan jabatan Kerajaan yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING]
TARIKH SOALAN : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 22

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah inisiatif-inisiatif baharu yang diberikan oleh Kementerian untuk membantu usahawan-usahawan di Malaysia terutama sekali usahawan muda, memandangkan ramai anak-anak muda hari ini cukup meminati bidang ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

1. Kerajaan komited untuk meningkatkan bilangan dan membantu usahawan muda di Malaysia. Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) telah menganjurkan Sesi Dialog Pembudayaan dan Pemerkasaan Keusahawanan Anak Muda di MaGIC, Cyberjaya pada 25 September 2018 sebagai platform khusus bagi para usahawan muda bertukar-tukar pandangan selain memberi peluang kepada mereka mengemukakan pelbagai idea baharu bagi memperkasakan pembangunan usahawan muda.
2. Antara program/inisiatif baharu yang sedang dan akan dilaksanakan oleh MED untuk membantu usahawan-usahawan di Malaysia terutama sekali usahawan muda adalah seperti berikut:

- (i) **Program Pembangunan Usahawan Fertigasi (Fertigreneur)**
Program ini mensasarkan penglibatan golongan belia, warga emas, ibu tunggal serta orang kelainan upaya (OKU) melalui galakan keusahawanan dalam bidang tanaman fertigasi. Melalui program ini usahawan baru dijangka menjana pendapatan bersih sekurang-kurangnya RM3,000 sebulan dan menggiatkan penglibatan mereka dalam bidang pengeluaran tanaman makanan secara komersil.
- (ii) **Program baharu di bawah Professional Training and Education for Growing Entrepreneurs (PROTÉGÉ)**
MED telah menetapkan sasaran untuk melatih 15,000 graduan setahun dalam bidang keusahawanan seperti:
- (a) *PROTÉGÉ Ready to Work*
Program ini bertujuan melengkapkan peserta dengan latihan profesional melalui Latihan Kemahiran Insaniah serta Latihan Perindustrian bersama pemain industri. Bagi tahun 2019, sebanyak 369 syarikat yang ditawarkan perolehan Kerajaan serta 27 Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLCs) terlibat dalam menjalankan program ini;
- (b) *PROTÉGÉ Booster*
Program ini merupakan latihan kemahiran jangka pendek yang dibuka sepanjang tahun untuk graduan lepasan ijazah dan pengambilan peserta dijangka akan mula dibuat pada suku ketiga tahun 2019;
- (c) *PROTÉGÉ Uni-Preneur*
Program ini merupakan latihan keusahawanan berasaskan pertandingan di mana pemenang akan diberikan geran serta sesi bimbingan oleh pakar industri. Program ini menyasarkan pelajar tahun akhir IPT dan dijangka akan mula dilaksanakan pada suku keempat tahun 2019;
- (d) *PROTÉGÉ Business Accelerator*
Latihan akselerator perniagaan intensif untuk peserta yang telah memulakan perniagaan dengan latihan khusus yang

disesuaikan untuk mengisi jurang pengetahuan dan kemahiran. Dijangka akan mula dilaksanakan pada pertengahan suku ketiga tahun 2019;

(e) **PROTÉGÉ *Reach Out***

Program pendedahan bidang keusahawanan semasa program karnival kerjaya dan libat urus bersama para pelajar dan masyarakat di 14 universiti awam telah mula dilaksanakan pada 30 Mac 2019. Siri jelajah akan di sambung semula pada suku ketiga tahun 2019 apabila para pelajar memulakan semester baru.

(iii) **Program Tunas Usahawan Belia Bumiputera (TUBE) 6.0**

Program di bawah SME Corp. Ini yang telah diperkenalkan pada tahun 2014 telah berjaya melatih 4,380 belia Bumiputera dan mewujudkan 8,004 pekerjaan baharu sejak ia mula dilancarkan. Pada tahun 2019, program ini telah dirasionalisasikan semula dan diperkukuhkan dengan penyertaan daripada Orang Asli pada tahun 2019 menerusi pelaksanaan TUBE 6.0. Ini adalah untuk menggalakan penglibatan Orang Asli dalam bidang perniagaan seterusnya meningkatkan taraf hidup.

3. Kit Panduan bagi Perniagaan Permulaan

SME Corp. telah menyediakan Kit Panduan bagi Perniagaan Permulaan merangkumi cara mendaftarkan perniagaan, kaedah pemasaran yang berkesan telah disediakan sebagai panduan kepada usahawan muda yang baharu memulakan perniagaan dan perusahaan mikro untuk mengendalikan perniagaan dengan cekap dan berkesan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG
KAWASAN : LANANG
TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB PUAN ALICE LAU KIONG YIENG minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan:

- (a) apakah keputusan Rakan Pelaksana Projek (PDP) Lebuh Raya Pan Borneo yang baharu di Sarawak dan berapakah kos yang dapat dijimati selepas PDP Lebuh Raya Pan Borneo di Sabah telah dimansuhkan; dan
- (b) apakah langkah yang telah dan akan diambil oleh Kementerian untuk memastikan projek Lebuh Raya Pan Borneo Sarawak dijalankan dengan lancar serta memastikan jalan sedia ada adalah selamat digunakan terutamanya jalan dari Sibu ke Bintulu/Miri.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Selaras dengan usaha Kerajaan mengoptimumkan kos projek-projek yang memberi implikasi yang tinggi kepada Negara mekanisme pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo sedang diteliti semula dengan mengekalkan spesifikasi dan skop asal. Bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah, perubahan kaedah pelaksanaan daripada model Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner – PDP*) kepada kaedah konvensional telah memberi penjimatan kepada Kerajaan khususnya tiada pembayaran yuran dan kos operasi PDP.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, proses penelitian semula bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak masih berjalan dengan mengambil kira kaedah alternatif terbaik yang tidak menjejaskan kelangsungan dan aspek keselamatan projek yang dijangka akan dimuktamadkan dalam masa terdekat.

Sehubungan itu Kementerian Kerja Raya dan Jabatan Kerja Raya Sarawak akan memastikan Kontraktor Pakej Kerja yang dilantik menyiapkan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak mengikut spesifikasi, jadual dan selamat digunakan oleh pengguna jalan raya khususnya dari Sibul ke Bintulu/Miri.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA
[TENGGARA]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 24

DATUK SERI DR. ADHAM BIN BABA [TENGGARA] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan jumlah kes keracunan makanan yang melibatkan premis makanan dan adakah Kerajaan bercadang untuk mengadakan kerjasama dengan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) untuk memaksimumkan keberkesanan sistem penguatkuasaan peraturan terhadap pengendali dan premis makanan serta pemantauan yang dilakukan secara berkala.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Dari Januari sehingga Mei 2019, sebanyak 213 kejadian keracunan makanan telah dilaporkan melibatkan premis makanan di seluruh Negara berbanding 196 kejadian yang dilaporkan dalam tempoh masa yang sama pada tahun 2018.

Dalam hal ini, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) melalui Bahagian Keselamatan dan Kualiti Makanan menjalankan pemantauan dan tindakan pencegahan ke atas kejadian keracunan makanan melalui dua (2) aktiviti utama iaitu tindakan penguatkuasaan secara berkala dan memupuk kesedaran di kalangan pemilik premis makanan untuk menjalankan aktiviti pemantauan dan pencegahan secara sukarela di premis makanan mereka.

Berdasarkan peruntukan undang-undang berkaitan, KKM sentiasa menjalankan pemeriksaan secara rutin ke atas premis makanan di seluruh negara di samping menjalankan Operasi Premis Makanan Bersih berjadual dengan kekerapan dua (2) kali sebulan. Sehingga April 2019, sebanyak 36,754 premis makanan telah diperiksa dan 1,110 (3.0%) daripadanya telah ditutup manakala pada tahun 2018, daripada 126,896 premis makanan yang telah diperiksa, sebanyak 2,302 (1.8%) premis makanan telah ditutup.

Di samping itu, sehingga April 2019, sebanyak 12,465 kompaun telah dikeluarkan terhadap pengendali makanan atau pengusaha premis makanan yang tidak mematuhi keperluan Peraturan-Peraturan Kebersihan Makanan 2009 di bawah Akta Makanan 1983. Manakala pada tahun 2018, sejumlah 24,565 kompaun telah dikeluarkan.

Dengan peningkatan aktiviti penguatkuasaan oleh Kementerian Kesihatan dari semasa ke semasa, adalah diharapkan tahap kebersihan premis makanan di seluruh negara akan turut meningkat dan seterusnya dapat mencegah kejadian keracunan makanan.

Yang di-Pertua,

KKM tiada halangan dan sentiasa mengalu-alukan kerjasama bersama dengan pihak Badan Bukan Kerajaan (NGO) dalam menjalankan aktiviti berkaitan keselamatan makanan termasuk bagi meningkatkan keberkesanan aktiviti penguatkuasaan berkaitan kebersihan premis makanan dalam mencegah kejadian keracunan makanan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID
KAWASAN : KAPAR
TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB DATO' ABDULLAH SANI BIN ABDUL HAMID minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan mekanisme yang akan digunakan untuk menunaikan janji salah satu manifesto Pakatan Harapan iaitu menghapuskan tol.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya dalam proses menyediakan Memorandum Jemaah Menteri berhubung dengan Kajian Halatuju Industri Lebuhraya Bertol di Malaysia untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri yang dijangkakan pada pertengahan Julai 2019. Kajian tersebut telah mengambil kira pelbagai senario dan alternatif untuk kerajaan menangani isu tol ini. Sebarang keputusan memerlukan pertimbangan teliti kerana sudah pasti ianya akan memberi kesan kepada komitmen kewangan jangka panjang Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 26

DATO' DR. NORAINI AHMAD [PARIT SULONG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan usaha-usaha Kementerian dalam memastikan masalah kesihatan berkaitan mental seperti stres dan kemurungan dapat dikawal dan seterusnya dikurangkan memandangkan World Health Organisation (WHO) melalui International Classification of Disease (ICD-11) telah mengklasifikasikan tekanan mental sebagai penyakit bersimptom yang boleh di diagnosis.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah mengambil inisiatif melaksanakan langkah-langkah berikut bagi menangani permasalahan kesihatan mental masyarakat:

1. Menjalinkan kerjasama dengan dengan Kementerian Pendidikan Malaysia (KPM) untuk melaksanakan:
 - i. Program Minda Sihat Sekolah dalam kalangan murid-murid Tingkatan 4 sekolah menengah. Semenjak 2014, sebanyak 2343 buah sekolah menengah seluruh Malaysia telah

melaksanakan program dan akan diperluaskan secara berperingkat ke Tingkatan lain (Satu dan Dua); dan

ii. Program Doktor Muda dan Program Siswa Sihat.

2. Mempertingkatkan kemahiran menangani stres dan kemurungan di kalangan warga kerja melalui Program KOSPEN PLUS (Komuniti Sihat Pembina Negara). Program ini yang memfokuskan kepada pencegahan Non-Communicable Disease (NCD) juga mempunyai komponen bagi menangani Stres di Tempat Kerja dalam memberi kesedaran kepada warga kerja pelbagai agensi tentang kepentingan kesihatan mental dan pencegahan kemurungan.

3. Menyediakan perkhidmatan kesihatan mental di 1,001 buah klinik-klinik kesihatan meliputi aktiviti promosi, saringan dan pengesanan awal bagi mengesan tahap stres, keresahan dan kemurungan. Dalam tahun 2018, seramai 331,052 individu disaring di klinik kesihatan dan didapati daripada jumlah ini, 4.82% dikesan mengalami tanda-tanda kemurungan. Sehubungan itu, KKM telah mengambil inisiatif untuk memperkukuhkan perkhidmatan psikologi kaunseling di klinik-klinik kesihatan seluruh negara.

4. Melaksanakan aktiviti-aktiviti bagi meningkatkan kesedaran awam tentang kesihatan mental dan penyakit mental seperti melalui Sambutan Hari Kesihatan Mental dan Kempen Cara Hidup Sihat yang memfokuskan kepada mempromosikan kesedaran kesihatan mental seperti menangani stress dan kesedaran kemurungan. Bahan-bahan pendidikan kesihatan berbentuk risalah dan poster, infografik berkaitan kesihatan mental dan penyakit mental termasuk kemurungan disalurkan melalui media cetak dan media elektronik serta laman sesawang KKM iaitu www.myhealth.gov.my. dan laman muka buku KKM. Selain itu kerjasama juga sedang dilaksanakan bersama Kementerian Komunikasi dan Multimedia dalam aspek promosi dan pencegahan masalah kesihatan mental.

Yang di-Pertua,

Kerajaan sentiasa komited untuk melaksanakan usaha-usaha bagi menangani isu-isu tentang kesihatan mental. Sebagai contoh, satu mesyuarat membincangkan isu kesihatan mental yang dipengerusikan oleh YAB Timbalan Perdana Menteri, Dato' Seri Dr. Wan Azizah Dr. Wan Ismail telah diadakan dan melibatkan agensi-agensi berkaitan termasuk tujuh (7) Kementerian yang lain. Bulan Oktober telah diisytiharkan sebagai bulan kesedaran isu kesejahteraan mental dengan pelaksanaan kempen kesedaran nasional '*Let's Talk Malaysia*' yang akan melibatkan gabungan usaha-usaha pelbagai agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan dalam usaha menghapuskan stigma masalah kesihatan mental. Masalah kesihatan mental bukan sahaja perlu diatasi dari aspek kesihatan tetapi perlu juga dilihat dari aspek sosioekonomi dan persekitaran. Gabungan usaha-usaha daripada agensi–agensi Kerajaan dan bukan Kerajaan turut diperlukan bagi menangani peningkatan beban permasalahan kesihatan mental.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN SYED IBRAHIM SYED NOH [LEDANG]

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 27

TUAN SYED IBRAHIM SYED NOH [LEDANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan sejauh manakah Kementerian berjaya mengurangkan proses atau tempoh menunggu di hospital dan adakah kaedah ini dapat juga diguna pakai untuk klinik-klinik kesihatan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Isu masa menunggu untuk berjumpa doktor yang panjang dan kesesakan di hospital-hospital dan klinik – klinik kesihatan Kerajaan khususnya di bandar-bandar utama seluruh Negara sememangnya dipandang serius oleh Kementerian Kesihatan. Pada masa ini, KKM sentiasa melaksanakan penambahbaikan proses/masa menunggu secara berterusan bagi menjamin kualiti perkhidmatan kepada pelanggan dan menambah bilangan kemudahan fasiliti tertakluk kepada keupayaan kerajaan.

Sementara menunggu penambahan fasiliti tersebut, berikut adalah antara strategi-strategi yang diguna pakai bagi mengurangkan tempoh waktu menunggu doktor yang lama dan masalah kesesakan di klinik Kerajaan:

1. Melaksanakan sistem temujanji secara berperingkat (*staggered appointment system*). Melalui pelaksanaan sistem temujanji berperingkat ini, setiap pesakit akan diberikan temujanji mengikut masa yang ditetapkan. Ini akan dapat mengurangkan kesesakan pesakit terutamanya pada waktu puncak.
2. Melaksanakan *Lean Healthcare* bagi menambahbaik proses kerja di klinik kesihatan dalam mengurangkan masa menunggu. Sehingga kini, sebanyak 63 buah klinik kesihatan telah melaksanakan inisiatif ini dan laporan menunjukkan pengurangan masa menunggu sebanyak 30 – 40 %.
3. Melaksanakan pemantauan masa menunggu berjumpa pegawai perubatan menggunakan sistem pemantauan masa menunggu Emasa (eTIME). Melalui pemantauan masa menunggu ini, klinik kesihatan akan dapat mengenalpasti pencapaian masa menunggu serta faktor yang menyumbang, seterusnya tindakan penambahbaikan yang boleh diambil bagi menambahbaik masa menunggu di klinik masing-masing.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN MOHD SHAHAR BIN ABDULLAH
[PAYA BESAR]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 18

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan :-

- (a) apakah senarai skim pinjaman perumahan khas yang meliputi kemudahan pinjaman, fasiliti khidmat guaman percuma dan pengecualian cukai untuk anak muda yang telah diwujudkan dan akan dirangka oleh Kementerian; dan
- (b) adakah Kementerian bercadang mewujudkan kuota khas bagi setiap projek perumahan untuk anak muda untuk memudahkan mereka membeli dan memiliki rumah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Soalan (a)

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kerajaan melalui KPKT menyediakan dasar perumahan secara menyeluruh kepada semua golongan terutamanya kumpulan B40 dalam meningkatkan

kemudahan dan akses kepada pemilikan rumah mampu milik. Kemudahan skim ini turut terbuka kepada golongan anak muda yang memenuhi kriteria dan syarat yang telah ditetapkan. Skim sedia ada tersebut adalah seperti berikut:

- (i) Skim Pinjaman Perumahan (SPP);
 - (ii) MyHome;
 - (iii) Depositku;
 - (iv) Sewa untuk milik (*Rent-to-own* atau RTO) bagi Program Perumahan Rakyat (PPR-RTO);
 - (v) Skim Rumah Pertamaku (*My First Home Scheme*);
 - (vi) Sewa untuk beli bagi Perumahan Rakyat 1Malaysia (PRIMA-RTO);
 - (vii) Skim Pembiayaan Perumahan Kerajaan di bawah Lembaga Pembiayaan Perumahan Sektor Awam (LPPSA); dan
 - (viii) Kemudahan pembayaran pembiayaan perumahan melalui pengeluaran KWSP.
2. Selain itu, melalui Bajet 2019 beberapa inisiatif baharu telah dilancarkan seperti berikut:
- (i) Skim Pembiayaan Kewangan Flexi untuk rumah mampu milik yang berharga RM300,000 dan ke bawah;
 - (ii) Skim Pembiayaan Subsidi di bawah Dana Rumah Mampu Milik bagi rumah yang berharga RM150,000 dan ke bawah;

- (iii) Tempoh pembiayaan LPPSA yang dipanjangkan;
- (iv) Pembiayaan perumahan 100% dengan jaminan Cagamas Berhad;
- (v) *Fund My Home (Crowd Funding)*; dan
- (vi) Diskaun Plus.

Soalan (b)

1. KPKT berpandangan pewujudan kuota khas untuk anak muda bagi setiap projek perumahan merupakan inisiatif yang baik. Walau bagaimanapun, cadangan ini perlu diperhalusi dengan kerjasama Kementerian Belia dan Sukan bagi mengenal pasti justifikasi penetapan kuota tersebut. Tambahan pula pada masa ini setiap projek perumahan telah ditetapkan kuota khas untuk pembinaan rumah mampu milik dan peluang pemilikannya terbuka kepada semua termasuk anak muda yang memenuhi kriteria pendapatan yang ditetapkan dan lulus permohonan pembiayaan perumahan. Untuk permulaan, KPKT telah merancang untuk membangunkan Perumahan Transit Belia sebagai platform rumah sewa serta penabungan untuk membantu golongan anak muda dalam pemilikan rumah pada masa akan datang.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : **LISAN**
DARIPADA : **YB TUAN CHOW KON YEOW [TANJONG]**

TARIKH : **2 JULAI 2019**

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah perkembangan kajian status undang-undang *Airbnb*. Adakah ia akan dilaksanakan, jika tidak, nyatakan mekanisme yang dicadangkan. Juga nyatakan adakah cukai pelancongan bakal dikutip daripada industri berkenaan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, semua isu berkaitan *home sharing* akan diselaras dan dibincangkan di bawah platform *Working Group on Home Sharing Economy* atau WGHSE yang diurusetikan oleh *Malaysia Productivity Corporation* (MPC). Jawatankuasa ini dianggotai oleh wakil-wakil daripada pihak swasta dan sektor awam termasuk Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya atau MOTAC yang bertujuan untuk membangunkan *Roadmap for Regulatory Framework on Short Term Accommodations*.

Di bawah WGHSE, sebuah jawatankuasa teknikal telah ditubuhkan dan dipengerusikan secara bersama oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan, dan MOTAC. Jawatankuasa ini dianggotai oleh pelbagai kementerian dan agensi berkaitan bagi menyediakan dokumen panduan yang merangkumi perkara-perkara berkaitan pendaftaran, keselamatan, kawalan kacau ganggu, kutipan cukai dan tempoh penginapan. Mesyuarat pertama jawatankuasa ini telah diadakan pada 27 Mei 2019 dan diikuti dengan penganjuran Bengkel Pembangunan Garis Panduan Kawal Selia Penginapan Jangka Masa Pendek pada 28 hingga 30 Jun 2019. *Roadmap for Regulatory Framework on Short Term Accommodations* akan membantu dari segi memberi panduan mengenai hala tuju penginapan sewaan jangka pendek.

Berkenaan kutipan cukai pelancongan, Kementerian ini berpandangan sebarang premis penginapan yang memenuhi syarat pengenaan cukai sama ada oleh pihak berkuasa tempatan atau Persekutuan harus dikenakan cukai yang selayaknya. Walau bagaimanapun, perkara berkaitan pengenaan cukai ini adalah tertakluk kepada Undang-Undang Kerajaan Negeri dan Kementerian Kewangan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN ABDUL LATIFF BIN ABDUL RAHMAN
[KUALA KRAI]**

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

SOALAN : 30

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah perkembangan terkini projek Jambatan Pemberian Kuala Krai. Bilakah projek ini akan disiapkan dan dibuka kepada pengguna dan berapakah kos pembinaan jambatan tersebut.

JAWAPAN

Untuk makluman Yang Berhormat, Projek Jalan dan Jambatan di Kampung Pemberian, Kuala Krai, Kelantan sedang dalam pembinaan di mana pihak Jabatan Kerja Raya telah dilantik sebagai Agensi Pelaksana untuk projek ini. Kemajuan kerja semasa di tapak adalah sebanyak 83.52% dan tarikh siap semasa bagi projek ini ialah pada 15 September 2019 dan akan dibuka kepada pengguna secepat yang mungkin. Kos yang terlibat bagi projek ini ialah sebanyak RM35.9 juta.

Untuk makluman Yang Berhormat, fasa ke-2 bagi projek ini, iaitu projek Menaiktaraf Jalan Menghubungkan Kampung Pemberian Ke Jalan Utama FT008, Kuala Krai, Kelantan juga telah diluluskan pada tahun 2018 dengan kos sebanyak RM8 juta. Projek ini sedang dalam penilaian tender oleh pihak JKR dan Surat Setuju Terima (SST) dijangka dapat dikeluarkan kepada kontraktor yang berjaya pada Ogos 2019. Ia akan mengambil masa pembinaan selama 24 bulan untuk disiapkan.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG KAH WOH [IPOH TIMUR]

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 31

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan elaun-elaun yang dinikmati oleh anggota Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia. Sama ada Kerajaan mempunyai cadangan untuk meningkatkan gaji dan/atau elaun kritikal untuk pasukan bomba.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, jenis-jenis elaun dan insentif yang dinikmati oleh anggota bomba dan penyelamat adalah seperti berikut:

Bil.	Elaun / Insentif	Kadar sebulan	Bilangan Penerima (Anggota Bomba)
1.	Elaun Tanggungjawab Khas Pemandu	RM150	3,886
2.	Bayaran Insentif Bomba	RM110 - RM220	10,862
3.	Bayaran Insentif Hazmat	RM100	561
4.	Bayaran Insentif Menyelam	RM100	541

5.	Bayaran Insentif Rawatan Kecemasan	RM100	2,392
6.	Bayaran Insentif Ketukangan (<i>Dog Handler</i>)	RM135	49
7.	Bayaran Insentif Ketukangan (<i>Workshop</i>)	RM25 - RM70	122
8.	Bayaran Insentif Penerbangan	RM400– RM4,000	54

2. Bagi mengiktiraf usaha dan kerja anggota bomba selaras dengan tanggung jawab dan cabaran risiko yang semakin kompleks pada masa kini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengemukakan cadangan pemberian **Elaun Khas Skim Perkhidmatan Bomba** sebanyak **RM200** bagi **setiap** anggota bomba sepertimana yang dinikmati oleh agensi-agensi keselamatan lain iaitu Polis Diraja Malaysia (PDRM), Angkatan Tentera Malaysia (ATM) dan Agensi Penguatkuasaan Maritim Malaysia (APMM).

3. Pihak Jabatan Bomba dan Penyelamat Malaysia (JBPM) amat berharap agar permohonan elaun khas tersebut dipertimbangkan oleh Kerajaan berdasarkan pelbagai faktor termasuk kadar gaji yang tidak sepadan dengan risiko tugas yang dilaksanakan.

4. Pemberian ini juga adalah bagi menghargai **pengorbanan dan jasa** anggota bomba yang tidak ternilai kerana mereka **sentiasa terdedah** dengan **bahaya** dan **kecederaan** serta **risiko kehilangan nyawa** setiap kali keluar ke tempat kecemasan untuk **menyelamatkan nyawa dan harta benda orang awam**.

5. Buat masa ini, permohonan **Elaun Khas Skim Perkhidmatan** tersebut masih lagi dalam pertimbangan Kerajaan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK]

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 32

TUAN AHMAD TARMIZI BIN SULAIMAN [SIK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan statistik terkini pesakit HIV, punca-punca dan langkah menangani yang telah diambil oleh Kementerian.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bilangan penghidap HIV di Malaysia sehingga 2018 adalah seramai 75,040 kes. Bilangan kes HIV baru pada amnya telah menurun berbanding bilangan tertinggi kes HIV yang dilaporkan pada tahun 2002 iaitu sebanyak 6,978 orang, atau pada kadar 28.5 kes bagi setiap 100,000 penduduk. Pada tahun 2018, sebanyak 3,293 kes HIV baru telah dilaporkan, atau pada kadar 10.0 kes bagi setiap 100,000 penduduk iaitu penurunan notifikasi sebanyak 65% semenjak tahun 2002.

Pada peringkat awal wabak HIV, faktor risiko utama jangkitan adalah melalui perkongsian jarum suntikan di kalangan pengguna dadah suntikan. Walau bagaimanapun, mulai tahun 2011, transmisi seksual menjadi faktor risiko utama jangkitan yang dilaporkan kepada KKM. Pada tahun 2018, sebanyak 57% jangkitan HIV dilaporkan menerusi hubungan homoseksual/biseksual, manakala 37% adalah menerusi hubungan heteroseksual.

Bagi menangani jangkitan HIV melalui transmisi seksual ini, KKM akan meningkatkan rawatan antiretroviral (ARV) untuk mencapai sekurang-kurangnya 95% penghidap HIV menerima rawatan ARV. Rawatan ARV pada amnya dapat mencegah 97% daripada jangkitan HIV melalui transmisi seksual. Pada penghujung 2018, hanya 55% penghidap HIV menerima rawatan ARV.

KKM juga akan terus menekankan kepentingan amalan seks selamat terutamanya di kalangan populasi berisiko bagi memastikan jangkitan HIV dapat terus dibendung. Peningkatkan kesedaran mengenai HIV dan langkah pencegahan akan terus dipertingkatkan bagi memperkasa individu dan populasi berisiko untuk melindungi diri dari dijangkiti HIV atau menjangkiti orang lain.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
KAWASAN : SANDAKAN
TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan status terkini pembinaan Projek Lebuh Raya Pan Borneo Sabah Package 27A – Libaran Bypass, di mana hanya satu daripada empat segmen telah pun dilaksanakan sejak tahun 2016.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, cadangan pelaksanaan projek untuk menaiktaraf Jalan Lintas Libaran yang menghubungkan jajaran Lebuhraya Pan Borneo dari persimpangan Sandakan Mile 32 ke bulatan Gum-Gum dengan anggaran jarak keseluruhan 22.5 km bukan merupakan skop asal pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah seperti yang dipersetujui oleh Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah semasa menandatangani perjanjian bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah pada 11 April 2016. Walau bagaimanapun, Kerajaan Persekutuan telah mempertimbangkan permohonan Kerajaan Negeri Sabah supaya jajaran tersebut turut dimasukkan sebagai skop tambahan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah.

Jalan Lintas Libaran tersebut merangkumi 4 pakej, di mana Pakej 4 telah dilaksanakan di bawah peruntukan pembangunan Rolling Plan-2 Rancangan Malaysia Kesebelas (RP-2 RMKe-11) oleh Jabatan Kerja Raya Sabah dan telah siap sepenuhnya pada tahun 2017. Pelaksanaan baki 3 pakej selebihnya adalah tertakluk kepada penelitian lanjut dari segi kewangan dan teknikal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR
[CAMERON HIGHLANDS]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 34

TUAN RAMLI BIN DATO' MOHD NOR [CAMERON HIGHLANDS] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian akan menubuhkan satu Jawatankuasa Khas Siasatan di peringkat Kementerian yang terdiri dari ahli profesional dalam bidang perubatan, kimia, perlombongan, perundangan (Jabatan Peguam Negara), perubatan forensik, siasatan (PDRM), alam sekitar dan pengurusan bagi menjalankan siasatan (inquiry) dengan terma bagi mengenal pasti sebab dan musabab punca penyakit yang dialami oleh ramai Orang Asli Kuala Koh Gua Musang Kelantan yang setakat ini dilaporkan 14 orang Orang Asli di situ mati berkemungkinan jangkitan penyakit yang tidak diketahui sebagaimana dilaporkan di dalam akhbar dan media sosial. Jawatankuasa itu hendaklah mencadangkan cara penyelesaian, pencegahan serta mengenal pasti sama ada ia berpunca daripada kecuaiian serta kelalaian mana-mana pihak yang wajib dipertanggungjawabkan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) telah menjalankan siasatan dan membuat pemantauan berterusan sejak kejadian kluster penyakit jangkitan saluran pernafasan di Kuala Koh, Gua Musang yang dilaporkan pada 3 Jun 2019. Hasil siasatan mendapati kejadian kluster

ini yang termasuk tiga (3) kematian yang dilaporkan kepada KKM adalah berpunca dari jangkitan virus campak (measles). Dua (2) kematian tersebut adalah yang dilaporkan kepada KKM pada peringkat awal manakala satu lagi adalah kematian kanak-kanak yang dirawat di Hospital Raja Perempuan Zainab II, Kelantan. Faktor penyumbang kepada penularan jangkitan campak adalah berpunca dari liputan imunisasi yang rendah. Masalah kekurangan zat makanan pula menjadi penyumbang kepada komplikasi jangkitan measles ini.

Namun begitu, bagi kes-kes kematian yang dilaporkan kepada pihak Polis DiRaja Malaysia (PDRM), pihak PDRM bersama dengan Pasukan Perubatan Forensik KKM telah membuat pencarian dan berjaya menemui mayat-mayat berkenaan. Pasukan Perubatan Forensik KKM telah menjalankan bedah siasat ke atas kesemua mayat dan sampel-sampel hasil bedah siasat telah diambil untuk ujian makmal bagi mengenalpasti sebab dan punca sebenar kematian. Keputusan ujian makmal ini dijangka boleh diketahui dalam masa terdekat.

Untuk makluman **YB Cameron Highlands**, tindakan yang diambil juga melibatkan kerjasama dari Kementerian lain supaya ianya komprehensif dan berterusan, antaranya:

1. Mempertingkatkan status pemakanan komuniti Orang Asli. Buat masa ini, makanan harian yang dibekalkan kepada komuniti Orang Asli yang ditempatkan adalah seperti berikut:
 - i. Penempatan Rumah Inap Kesihatan Orang Asli oleh JAKOA; dan
 - ii. Penempatan PLKN Etnobotani oleh Jabatan Kebajikan Masyarakat.
2. Memastikan bekalan air adalah bersih kepada komuniti Orang Asli di Kg. Kuala Koh.

Sementara itu, antara tindakan awalan KKM bagi mengatasi kejadian ini adalah:

1. Mengadakan carian kes secara aktif di perkampungan Orang Asli berkaitan dan di perkampungan sekitar berdasarkan pergerakan mereka sebelum ini.
2. Memberi Vitamin A kepada semua kanak-kanak bagi kes campak yang dirawat bertujuan meningkatkan status imuniti memandangkan mereka mengalami masalah kekurangan zat makanan.
3. Menjalankan aktiviti imunisasi kepada semua penduduk Orang Asli di lokaliti terlibat.
4. Memberi pendidikan kesihatan kepada penduduk termasuk sesi kaunseling bagi mengurangkan tekanan dan keresahan. Ini termasuk dengan memberikan pendidikan kesihatan mengenai penjagaan kebersihan diri, kebersihan persekitaran serta pencegahan dari jangkitan penyakit.

Yang di-Pertua,

Sebagai langkah jangka panjang, pendekatan pelbagai Agensi dan pemegang taruh perlu dilibatkan bagi menyediakan pelan strategik untuk populasi Orang Asli dengan cara hidup *semi-nomadic* dengan tujuan memperkukuhkan penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada mereka. KKM juga memerlukan kerjasama pelbagai Jabatan dan Agensi untuk memastikan liputan imunisasi dapat ditingkatkan sehingga mencapai lebih daripada 95% dan tahap pemakanan komuniti Orang Asli ditambah baik. Ini bagi memastikan rantai jangkitan dan wabak penyakit tidak berulang lagi di masa hadapan. Justeru itu, KKM tidak bercadang untuk membentuk sebarang Jawatankuasa Khas Siasatan memandangkan punca wabak telah dikenal pasti.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BAGI JAWAB LISAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK SERI DR. RONALD KIANDEE
[BELURAN]**

TARIKH : 2 JULAI 2019

SOALAN : Datuk Seri Dr. Ronald Kiandee [Beluran] minta **MENTERI LUAR NEGERI** menyatakan sejauh manakah kesan keputusan Kerajaan Malaysia untuk menyokong syarikat pengeluar teknologi Huawei yang telah disenarai hitam di Amerika Syarikat memberikan kesan terhadap hubungan di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Saya mengucapkan terima kasih kepada Yang Berhormat Beluran atas pertanyaan yang dikemukakan.

Tuan Yang di-Pertua,

2. Untuk makluman Dewan yang mulia ini, hubungan diplomatik dan perdagangan antara Malaysia dan Amerika Syarikat adalah tidak terjejas dan baik seperti sediakala. Hal ini dibuktikan menerusi jumlah perdagangan dua hala yang meningkat bagi suku tahun pertama (Januari-Mac) tahun 2019 dengan mencatatkan jumlah RM37.92 bilion berbanding tempoh yang sama pada 2018.

3. Perkembangan positif dalam sektor perdagangan ini adalah berikutan dasar keterbukaan dan profesionalisme Malaysia dalam

menjalinkan perdagangan dengan mana-mana syarikat dan negara termasuklah Amerika Syarikat dan Republik Rakyat China. Bahkan, hubungan dua hala antara Malaysia dan Amerika Syarikat bukan sahaja terhad kepada hubungan perdagangan malah meliputi pelbagai sektor lain termasuklah pendidikan, keselamatan dan pertahanan, alam sekitar dan tenaga serta sains dan teknologi.

4. Malaysia mengambil maklum mengenai isu syarikat gergasi dari China iaitu Huawei yang telah disenarai hitam di Amerika Syarikat. Malaysia juga mengambil maklum bahawa Amerika Syarikat lazimnya akan mendapatkan sokongan negara-negara lain terhadap pendirian mereka berkaitan isu perdagangan khususnya jika melibatkan syarikat dari Republik Rakyat China.

5. Dalam hal ini, keputusan Malaysia untuk memanfaatkan teknologi dari Huawei adalah berasaskan kepada kepentingan kemajuan negara terutamanya dalam sektor teknologi telekomunikasi. Tindakan Malaysia ini diyakini tidak akan memberi kesan terhadap hubungan di antara Malaysia dengan Amerika Syarikat.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN YAMANI HAFEZ BIN MUSA [SIPITANG]

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

SOALAN : 36

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan langkah jangka panjang meningkatkan bekalan air luar bandar di Sarawak dan Sabah, terutama kawasan Parlimen Sipitang yang masih dihadapi penduduknya sejak sekian lama tanpa penyelesaian secara tuntas.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, mekanisme pelaksanaan projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) di Sarawak dan Sabah adalah bergantung kepada senarai keutamaan yang dipohon oleh pihak Unit Perancang Ekonomi Negeri (UPEN). Kementerian sentiasa melibatkan Agensi Kerajaan Negeri seperti UPEN, Kementerian Pembangunan Infrastruktur dan Pengangkutan Sarawak, Kementerian Utiliti Sarawak (MOU), Jabatan Bekalan Air Luar Bandar (JBALB) Negeri Sarawak, Kementerian Pembangunan Infrastruktur (KPI) Sabah, Kementerian Pembangunan Luar Bandar (KPLB) Sabah dan Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dalam semua perbincangan, penyelarasan dan semak silang sebelum pelaksanaan sesuatu projek dan permohonan belanjawan. Kementerian juga telah mewujudkan Jawatankuasa Bersama di antara Kerajaan Negeri dan Kementerian ini bagi memastikan pelaksanaan projek lebih efisien.

NO. SOALAN:36

Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian ini sedang melaksanakan dua (2) projek di kawasan Parlimen Sipitang. Projek-projek tersebut adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Negeri Sabah Zon 3 – Daerah Beaufort yang dianggarkan bernilai RM5.23 juta. Projek ini melibatkan kampung-kampung di kawasan Parlimen Kimanis, Beaufort dan Sipitang dan akan memberi manfaat kepada 287 buah rumah. Projek akan ditender pada Julai 2019. Projek terkini yang masih dalam peringkat perancangan adalah Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Sistem Retikulasi Tahun 2018/2019 Negeri Sabah – Bahagian Beaufort yang dianggarkan bernilai RM10.3 juta. Projek ini melibatkan kampung-kampung di kawasan Parlimen Beaufort dan Sipitang dan dijangka akan memberi manfaat kepada 249 buah rumah. Projek ini masih di dalam peringkat perlantikan perunding dan jurukur tanah.

Walau bagaimanapun, segala pelaksanaan projek BALB adalah tertakluk kepada peruntukan yang disediakan Kerajaan dengan syarat mematuhi skop dan kriteria program Bekalan Air Luar Bandar (BALB).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU]

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 37

TUAN OSCAR LING CHAI YEW [SIBU] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan bilakah rancangan poliklinik baru akan direalisasikan di SibU, permintaan untuk poliklinik baru semakin meningkat dan poliklinik di Jalan Oya sudah melebihi kapasitinya. Apakah status terkini perancangan poliklinik tersebut.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sedia maklum akan keperluan untuk meningkatkan perkhidmatan kesihatan di Bandar SibU bagi menampung pertambahan pesakit di KK Jalan Oya. Sebagai langkah awal, KKM telah mengambil inisiatif untuk menempatkan Pegawai Perubatan di lapan (8) buah Klinik Komuniti di sekitar Bandar SibU bagi meningkatkan akses penduduk kepada perkhidmatan doktor.

Memandangkan tapak KK Jalan Oya adalah amat terhad, perancangan jangka panjang KKM adalah bagi mewujudkan sebuah Klinik Satelit Jalan Oya dengan menyewa lot kedai berhampiran serta mengenalpasti tapak yang sesuai bagi pembinaan sebuah klinik baru di Bandar SibU. Cadangan mempertingkatkan perkhidmatan klinik kesihatan di Bandar SibU ini akan dipohon dalam RMK-12 akan datang.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK DR. JEFFREY KITINGAN
KAWASAN : KENINGAU
TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB DATUK DR. JEFFREY KITINGAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah Kerajaan akan menaik taraf jalan raya utama Apin-Apin - Keningau kepada 4 (empat) lorong memandangkan ianya sudah menjadi sesak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, jalan yang dimaksudkan adalah merupakan Jalan Persekutuan 500 (Jalan Kota Kinabalu-Keningau-Tenom). Berdasarkan analisa trafik yang dibuat oleh stesen bancian dan isipadu trafik lalulintas terkini mendapati bahawa Tahap Perkhidmatan Jalan (*Level of Service*, LOS) jalan ini berada pada tahap LOS A. LOS A adalah bermaksud aliran trafik pada jalan sedia ada masih lancar serta masih lagi mampu menampung kapasiti jalan sedia ada. Sehubungan dengan itu, pihak Kementerian ini belum mempunyai perancangan untuk menaiktaraf jalan raya utama Apin-Apin - Keningau kepada 4 (empat) lorong.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **YB. PUAN NURUL IZZAH BINTI ANWAR**
[PERMATANG PAUH]

TARIKH : **2 JULAI 2019**

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN DAN KEBUDAYAAN** menyatakan adakah pemakaian batik Malaysia di dalam Dewan Rakyat dan Dewan Negara akan dipertimbangkan seperti yang sudah lama dipraktikkan di Dewan Perwakilan Indonesia sebagai satu cara untuk meningkatkan martabat batik milik Malaysia serta menggalakkan pemasarannya di setiap peringkat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya melalui Perbadanan Kemajuan Kraftangan Malaysia mengalu-alukan sebarang cadangan bagi memajukan industri batik negara. Namun, pemakaian baju batik tempatan di kalangan ahli Dewan Rakyat dan Dewan Negara adalah tertakluk kepada etika pemakaian yang perlu dipatuhi oleh ahli Parlimen semasa menghadiri persidangan. Walau bagaimanapun, galakan pemakaian batik di sektor awam dan swasta perlu diberi keutamaan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD [KANGAR]

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

SOALAN : 40

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan berapakah peruntukan sebenar Kementerian kepada negeri Perlis dan berapakah jumlah yang telah dibelanjakan setakat ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian sentiasa memberi perhatian kepada pelaksanaan projek pembangunan luar bandar di seluruh negara termasuk di negeri Perlis. Bagi tahun 2018, Kementerian ini telah memperuntukkan sebanyak RM14.86 juta dan sebanyak RM19.84 juta bagi tahun 2019 bagi pelaksanaan pelbagai projek pembangunan luar bandar di Negeri Perlis. Pecahan projek seperti berikut:

Manakala bagi tahun 2019 pula, sejumlah RM19.84 juta telah diperuntukkan bagi tujuan yang sama.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 41

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah impak kepada pertumbuhan ekonomi khususnya sektor perumahan selepas pelaksanaan Skim Kempen Pemilikan Rumah (HOC) sejak awal tahun ini dan apakah kempen HOC ini dilanjutkan tempohnya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Home Ownership Campaign (HOC) dilaksanakan bertujuan untuk mengurangkan isu hartanah atau rumah yang belum terjual. Justeru, KPKT telah mengadakan pelancaran HOC pada 1-3 Mac 2019 dan dilaksanakan mulai 1 Januari hingga 30 Jun 2019. Terdapat pelbagai insentif yang telah diberikan oleh Kerajaan semasa kempen HOC bagi meningkatkan pemilikan rumah dalam kalangan rakyat seperti pemberian diskaun dan juga pengecualian duti setem. Penganjuran kempen ini dapat meningkatkan peluang pemilikan rumah dalam kalangan rakyat Malaysia yang seterusnya memberi impak positif kepada pertumbuhan ekonomi khususnya sektor perumahan.

2. Setakat ini sebanyak 1,144 unit rumah telah berjaya dijual sepanjang penganjuran HOC sehingga 7 Jun 2019 yang melibatkan nilai jualan sebanyak RM650.87 juta.

3. KPKT juga telah mengemukakan surat permohonan kepada Kementerian Kewangan Malaysia (MOF) pada Mei 2019 berhubung pelanjutan kempen pelaksanaan HOC. Pihak MOF seterusnya telah mengumumkan lanjutan tempoh HOC selama 6 bulan sehingga 31 Disember 2019. Perkara ini adalah selaras dengan Siaran Media MOF bertarikh 30 Jun 2019.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. HAJI NOOR AZMI
BIN GHAZALI [BAGAN SERAI]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 42

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah membunuh anjing-anjing jalanan dengan cara menembak dapat mengurangkan populasinya cara terbaik, dibenarkan dan berjaya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Seksyen 73(1)(m), Akta Kerajaan Tempatan 1976 [Akta 171] telah memperuntukkan kuasa kepada Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) untuk mengadakan Undang-undang Kecil (UUK) Pelesenan Anjing untuk menyelia, melesen, menyita, memusnah dan melupuskan anjing liar dalam kawasan PBT. Di bawah UUK tersebut, semua anjing yang dipelihara hendaklah dilesenkan oleh PBT.

2. Semua anjing sama ada tidak berlesen atau berlesen, yang merayau tanpa tuan atau penyelia di tempat awam dalam kawasan PBT adalah ditakrifkan sebagai anjing terbiar yang boleh diambil tindakan oleh PBT. PBT juga berkuasa menangkap, menyita, memusnah atau melupuskan anjing terbiar dalam kawasan PBT mengikut *Standard Operating Procedure* (SOP) yang telah ditetapkan. Di bawah Seksyen 80, Akta 171 juga memperuntukkan kuasa kepada PBT untuk memberhenti, memusnah dan menghapuskan segala kacau ganggu daripada jenis awam dalam kawasan PBT.

3. Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengeluarkan satu SOP Penangkapan dan Pelupusan Anjing Terbiar di Kawasan PBT bertarikh 9 Julai 2014 yang menetapkan anjing terbiar akan ditangkap dan dikurung dipaun anjing PBT mengikut tempoh yang ditetapkan, bagi tujuan tuntutan semula oleh tuan punya, atau diserahkan untuk dipelihara kepada orang awam atau Badan Bukan Kerajaan (NGO) yang berminat. Membunuh anjing dengan cara menembak anjing tersebut tidak digunakan bagi mengawal populasi anjing-anjing terbiar. Mana-mana anjing yang tidak dituntut atau tidak diambil oleh orang awam akan dilupuskan oleh Jabatan Veterinar Malaysia secara suntikan ubat.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN
KAWASAN : NIBONG TEBAL
TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB DATO' MANSOR BIN OTHMAN minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah perancangan Kementerian jika ada, mengenai rumah-rumah kediaman JKR (JKR quarters) yang terbiar tidak didiami sekian lama di DUN Jawi, Parlimen Nibong Tebal.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Kerja Raya sememangnya amat prihatin dan sentiasa mengambil maklum tentang isu penyelenggaraan kuarters terutamanya yang melibatkan Kuarters Persekutuan. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kuarters yang dinyatakan tersebut adalah Kuarters Negeri dan di bawah bidang kuasa Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

SOALAN : 44

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan memandangkan Kerajaan negeri Sarawak tidak mengiktirafkan MPKK, adakah pihak KPLB bercadang untuk menggunakan kaedah lain untuk menyalurkan dana kepada rumah panjang dan kawasan kampung.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana sedia maklum, Kementerian Pembangunan Luar Bandar telah pun menyediakan peruntukan Geran MPKK yang bernilai maksimum RM10,000 bagi setiap MPKK berdasarkan permohonan dan syarat serta terma yang telah ditetapkan. Geran ini terbuka kepada semua MPKK di seluruh negara. Bgai negeri Sarawak sejumlah RM4 juta telah diperuntukkan bagi Fasa 1 dan peruntukan ini telah pun disalurkan pada Kerajaan negeri Sarawak pada Januari 2019 yang lalu.

Walau bagaimanapun, buat masa ini, Kerajaan negeri Sarawak masih lagi mengekalkan penggunaan nama Jawatankuasa Kemajuan dan Keselamatan Kampung (JKKK) dan bukannya Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK).

Sepertimana syarat permohonan yang telah ditetapkan di dalam Garis Panduan Pengurusan Geran MPKK, MPKK mestilah telah ditubuhkan dan dalam situasi di negeri Sarawak, JKKK berkenaan hendaklah menggunapakai nama MPKK serta mempunyai akaun bank atas nama MPKK.

NO. SOALAN : 44

Justeru, memandangkan JKKK di negeri Sarawak tidak dapat memenuhi syarat permohonan ini, Geran MPKK masih belum dapat dilaksanakan.

Dalam pada itu, Kementerian Pembangunan Luar Bandar masih tetap menyediakan peruntukan Elaun kepada Pengerusi dengan kadar RM500 sebulan. Peruntukan keseluruhan bagi Elaun negeri Sarawak untuk Fasa 1 (iaitu bagi bulan Januari 2019 hingga Jun 2019) adalah berjumlah RM15,504,000 dan peruntukan ini telah pun disalurkan kepada Kerajaan negeri Sarawak.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI
KAWASAN : KUDAT
TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB DATUK ABD RAHIM BIN BAKRI minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan bilakah baki empat (4) pakej jalan Pan Borneo Coastal Highway bagi jajaran Tuaran ke Kudat akan ditender untuk perlaksanaan dan apakah status terkini kerja-kerja projek pakej pertama (1) dari Pituru ke Rampayan setakat ini.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah adalah melibatkan pembinaan jalan baharu dari Kampung Serusup ke Simpang Mengayau dengan spesifikasi satu lorong dua hala (*single carriageway*) dengan anggaran jarak keseluruhan 123 km. Jajaran ini telah dibahagikan kepada 6 pakej kerja (*work package*), di mana salah satu daripadanya telah dibuat pelantikan kontraktor. Pakej kerja tersebut ialah pakej kerja 10 yang menghubungkan Pituru dan Rampayan Laut. Sehingga bulan Mei 2019, status kemajuan semasa bagi pakej kerja ini ialah pada 4.14% dan pembinaan dijangka siap pada penghujung tahun 2021. Pelaksanaan baki pakej kerja yang belum dibuat pelantikan kontraktor akan dimuktamadkan oleh Kerajaan Persekutuan tertakluk kepada kemampuan kewangan semasa.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : TUAN MUSLIMIN BIN YAHAYA
(SUNGAI BESAR)**

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

SOALAN : 46

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah laluan seterusnya pelatih GiatMARA dalam peningkatan kemahiran dan peluang ke institusi pengajian tinggi.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, GiatMARA sentiasa berusaha untuk memastikan program yang ditawarkan memenuhi keperluan industri serta membuka peluang kepada pelatih untuk meningkatkan tahap kemahiran mereka. Kurikulum kemahiran teknikal GiatMARA dibangunkan bersama dengan industry bagi meningkatkan kebolehpasaran mereka.

Pembangunan sistem latihan kemahiran di GiatMARA memenuhi *standard* dan diiktiraf oleh Jabatan Kemahiran Malaysia (JPK) melalui pentauliahian Sijil Kemahiran Malaysia dari Tahap 1 (SKM1) hingga Tahap 4 Diploma Kemahiran Malaysia (DKM) di mana pelatih berpeluang melanjutkan latihan di Institusi Latihan Kemahiran MARA (IKM/KKTM dan GMI) atau di Institusi Latihan Kemahiran Awam/Swasta (ILKA/S) yang lain.

Di samping itu, pelatih juga berpeluang meningkatkan kemahiran latihan bersama industri melalui kaedah Sistem Latihan Dual Nasional (SLDN).

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 47

TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan adakah Kementerian mempunyai perancangan untuk menambahkan kekerapan doktor untuk membuat lawatan di klinik-klinik yang terdapat di Parlimen Saratok memandangkan berlakunya kesesakan di Hospital Umum Saratok.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian melaksanakan usaha berterusan untuk mengurangkan kesesakan di fasiliti kesihatan termasuk menambah bilangan anggota kesihatan dan kekerapan lawatan doktor. Di kawasan Parlimen Saratok, terdapat 15 buah KK (Jenis 4 hingga 7) dan bilangan doktor (penempatan tetap) telah ditambah dari 19 orang (Tahun 2018) kepada 49 orang (Tahun 2019). Perkhidmatan lawatan doktor pakar perubatan keluarga secara berkala turut diadakan sekurang-kurangnya sekali sebulan mengikut keperluan dan keupayaan sumber sedia ada.

Pada setiap tahun, KKM akan membuat permohonan pengisian jawatan ke Agensi Pusat. Namun, jumlah perjawatan yang diluluskan adalah bergantung kepada kemampuan kewangan Kerajaan semasa. Pada masa ini, selaras dengan dasar penjimatan perbelanjaan Kerajaan dan pengawalan saiz perkhidmatan awam, kaedah yang diguna pakai adalah menerusi penggunaan sumber manusia yang optimum dengan menggunakan perjawatan sedia ada melalui kaedah pengagihan semula (*redeployment*) atau tukar ganti (*trade off*).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' TAKIYUDDIN BIN HASSAN
[KOTA BHARU]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 48

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah tindakan Kementerian terhadap bangunan atau premis yang gagal menyediakan infrastruktur lengkap bagi kemudahan golongan Orang Kurang Upaya (OKU).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) boleh mengambil tindakan ke atas sebarang pemajuan yang tidak mematuhi penyediaan keperluan infrastruktur bagi Orang Kurang Upaya (OKU) yang diwajibkan dalam pembinaan bangunan di negara ini. Berdasarkan seksyen 70(13)(c), Akta Jalan, Parit dan Bangunan (Akta 133), pemaju boleh didenda tidak melebihi RM50,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 3 tahun dan boleh dikenakan denda tambahan tidak melebihi RM1,000 bagi tiap-tiap hari kesalahan diteruskan.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, PBT boleh mengarahkan *Principal Submitting Person* (PSP) untuk membuat penambahbaikan ke atas sesuatu pembangunan yang belum memperolehi *Certificate of Completion and Compliance* (CCC) seperti menyediakan infrastruktur bagi golongan OKU. PSP yang gagal mematuhi arahan ini, boleh dikenakan penalti di bawah Subseksyen 70 (27), Akta 133 dengan nilai penalti tidak melebihi RM250,000 atau dipenjarakan selama tempoh tidak melebihi 10 tahun atau kedua-duanya. Sekiranya PSP gagal melaksanakan tanggungjawab tersebut, PBT boleh melaporkan perkara tersebut kepada badan profesional yang berkaitan untuk diambil tindakan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 49

TUAN CHA KEE CHIN [RASAH] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan apakah status terkini Mawar Medical Centre dan Pusat Hemodialisis Mawar di Seremban, yang telah diambil tindakan penguatkuasaan sebelum ini, dan bilakah lesen operasi akan dikeluarkan semula supaya proses dialisis boleh dijalankan semula.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Sehingga hari ini, pihak Kementerian masih belum menerima permohonan kelulusan dan/atau lesen baru bagi penubuhan hospital swasta Mawar Medical Centre yang boleh diproses selanjutnya.

Kelulusan dan lesen hospital swasta Mawar Medical Centre hanya akan dapat dikeluarkan apabila permohonan-permohonan yang dikemukakan telah mematuhi keperluan perundangan yang ditetapkan selaras dengan Akta Kemudahan dan Perkhidmatan Jagaan Kesihatan Swasta 1998.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL
RAHIM [BALING]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 50

DATO' SRI ABDUL AZEEZ BIN ABDUL RAHIM [BALING] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah yang telah diambil untuk doktor "housemanship" dan berapa lamakah tempoh menunggu, adakah proses ini akan dipercepatkan

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Tempoh masa menunggu semasa bagi graduan perubatan buat masa ini adalah 7 hingga 11 bulan. Tempoh masa menunggu bagi graduan perubatan ini dipengaruhi oleh beberapa faktor seperti berikut:

1. Terdapat peningkatan keluaran graduan perubatan dari dalam dan luar negara yang dianggarkan sebanyak 5,000 hingga 6,000 orang setahun. Pada masa ini, slot latihan siswazah semasa di KKM adalah sebanyak 12,033 slot. Pengisian slot latihan adalah di tahap optimum yang melibatkan Pegawai Perubatan Siswazah (PPS) yang sedang menjalani latihan siswazah. KKM membuat pengambilan PPS setiap 2 bulan (6 kali setahun).

Sehingga Februari 2019, seramai 4,431 graduan perubatan (keluaran Julai 2018 ke atas) yang telah berdaftar dengan Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) masih belum mendapat tempat untuk menjalani latihan siswazah. Seramai 2,484 calon akan dilantik secara berperingkat pada tahun ini.

1. Hanya seramai 67.1% PPS sahaja yang berjaya menamatkan latihan siswazah dalam tempoh 2 tahun, manakala baki 32.9% PPS lagi mengambil masa yang lebih lama mengakibatkan berlakunya *backlog* (dengan izin) kerana slot-slot latihan sedia ada mengambil masa yang lebih lama untuk dikosongkan.

KKM telah melaksanakan pelbagai inisiatif untuk mempercepatkan lantikan graduan perubatan dan memendekkan tempoh masa menunggu bagi menjalani latihan siswazah iaitu:

1. Perubahan dasar pelantikan graduan perubatan daripada pelantikan secara tetap kepada pelantikan secara kontrak mulai Disember 2016. Dengan perubahan tersebut, penempatan boleh dibuat tanpa perlu lagi bergantung kepada kekosongan jawatan tetap dan peruntukan kewangan tetapi hanya bergantung kepada

keupayaan KKM untuk menyediakan dan menambah slot latihan dari semasa ke semasa;

2. Meningkatkan bilangan Hospital Latihan Siswazah termasuklah menyediakan alternatif slot latihan di Klinik Kesihatan untuk tujuan latihan;
3. Meningkatkan perkhidmatan kepakaran di hospital sedia ada melalui penempatan pakar-pakar baru dan sedia ada di KKM bagi membolehkan mereka bertindak sebagai penyelia kepada Pegawai Perubatan Siswazah berkenaan;
4. Mengadakan perbincangan dengan Hospital Universiti bagi menambah slot latihan;
5. Melanjutkan pelaksanaan moratorium bagi Penawaran Kursus Baru Bidang Perubatan di Institut Pengajian Tinggi (IPT) dalam negara selama 5 tahun sehingga 2021 bagi mengawal bilangan keluaran graduan perubatan; dan
6. Meningkatkan kecekapan pengurusan latihan siswazah termasuk melaksanakan penilaian berterusan bagi memastikan Pegawai Perubatan Siswazah menamatkan latihan siswazah dalam tempoh yang ditetapkan.

Dengan pelaksanaan inisiatif tersebut, adalah diharapkan tempoh masa menunggu bagi latihan siswazah dapat dikurangkan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : YB. TUAN THE KOK LIM [TAIPING]

TARIKH : 2 JULAI 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan rancangan pihak Kementerian setelah Bandar Warisan Taiping dinobatkan dengan anugerah “*Top 3*” Bandar Lestari Terbaik Dunia 2018 dan 100 Destinasi Lestari Terbaik Dunia 2018.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Kementerian Pelancongan, Seni dan Budaya Malaysia melalui Tourism Malaysia (TM) secara berterusan memberikan bantuan dan mengadakan kolaborasi serta kerjasama dengan Kerajaan Negeri dalam mempromosikan bandar Warisan Taiping.

Kementerian ini sememangnya sedia maklum akan potensi bandar Taiping sebagai sebuah bandar warisan dan destinasi pelancongan dan di antara usaha-usaha yang telah diadakan dalam membantu mempromosikan bandar Taiping adalah seperti:

1. Bekerjasama dengan NCIA (Northern Corridor Implementation Authority) serta Majlis Perbandaran Taiping (MPT) dalam melaksanakan Program Pemasaran dan Promosi bagi 'Greater Kamunting Conurbation (GKC)' yang melibatkan kawasan di bawah seliaan MPT. Berikut adalah antara program yang telah diadakan:

a. Travelogue Program On Malaysia Satellite Pay TV 'Hamz Travel-Discover Taiping' sebanyak 6 episod berdurasi 30 minit telah ditayangkan di saluran Astro Awani 501 dan laman media sosial Astro Awani pada hujung Januari hingga Mac 2018. Manakala 12 klip promosi berdurasi 3 minit dikongsikan di laman sosial media dan laman web Astro;

b. Program *mega familiarization trip* ke Taiping oleh syarikat pelancongan Mayflower dari 9-13 April 2018 melibatkan 30 orang peserta dari 10 buah negara yang terdiri dari penulis blog, wakil media dan wakil agensi pelancongan; dan

c. Produksi Filem Zoodaku oleh Intermediaco (M) Sdn. Bhd. Program sebanyak 13 episod ini telah ditayangkan di saluran BERNAMA News Channel.

Inisiatif-inisiatif mempromosi Taiping sebagai destinasi pelancongan lestari dan bandar warisan akan terus digiatkan dengan penobatan Taiping sebagai *Top 3 Bandar Lestari Terbaik Dunia 2018* dan *100 Destinasi Lestari Terbaik Dunia* yang dianugerahkan di pameran pelancongan International Tourismus Borse Berlin pada 6 Mac 2019.

Satu program Kembara Media 2019 diadakan dari 28 Jun hingga 1 Julai 2019. Program ini disertai oleh 70 orang wakil-wakil media dari seluruh negara. Antara produk pelancongan yang dilawati adalah sekitar Ipoh, Kuala Kangsar, Lenggong Royal Belum dan Taiping. Sesi *engagement* yang dianjurkan turut mengetengahkan status Taiping sebagai Bandar Lestari Ketiga Terbaik didunia.

TM juga akan bekerjasama dengan Kerajaan Negeri dan PBT dalam mencetak risalah untuk kegunaan para pelancong. Usaha lain yang turut dilaksanakan adalah dengan membawa media dan agensi pelancongan dari dalam dan luar negeri bagi tujuan menyediakan pakej pelancongan serta penulisan mengenai makanan, bandar warisan serta destinasi pelancongan yang menarik yang terdapat di bandaraya Taiping. Penobatan Taiping sebagai bandar lestari akan turut diwar-warkan di dalam inisiatif-inisiatif yang diadakan.

Program-program kerjasama akan diteruskan dengan agensi-agensi pelancongan bagi membangun dan mempromosikan pakej-pakej menarik untuk dipromosikan kepada pelancong domestik dan antarabangsa. Usaha penerbitan publisiti dan promosi dalam media sosial dan digital seperti klip video “Malaysia Truly Asia” yang dimuatnaik akan diteruskan dan penyebaran maklumat mengenai produk pelancongan negeri termasuk Taiping sebagai bandar lestari kepada pelancong melalui Pejabat-pejabat Tourism Malaysia Wilayah dan 21 buah Pusat Penerangan Pelancongan (TIC) di seluruh negara serta melalui laman web.

Dengan status lestari Taiping ini juga, inisiatif-inisiatif komunikasi dan hebahan-hebahan bagi pihak media dan rakan-rakan industri pelancongan domestik dan antarabangsa telah dilaksanakan oleh TM.

Maklumat-maklumat akan dikemaskini dari semasa ke semasa berdasarkan keperluan.

Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) akan meneruskan usaha untuk mewartakan mana-mana tapak di Taiping yang berkepentingan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645], lebih-lebih lagi apabila ia telah dianugerahkan “Top 3 Bandar Lestari Terbaik Dunia 2018 dan 100 Destinasi Lestari Terbaik Dunia 2018”.

Setakat ini, pengiktirafan yang diberi melalui pewartaan kepada bangunan yang berkepentingan warisan termasuklah Gereja All Saint, Muzium Perak, Penjara Taiping, Bangunan Pejabat Daerah dan Tanah Larut Matang dan Selama, Perpustakaan Awam Taiping, Kota Ngah Ibrahim, Sekolah King Edward VII dan Taman Tasik Taiping. Di samping itu, JWN juga sedang melaksanakan proses pewartaan terhadap beberapa tapak lain di dalam Bandar Taiping termasuk Bangunan Sanitary Board Taiping, Rumah Rehat Taiping dan SMK St. George Taiping. Selain itu, bangunan-bangunan lain yang berpotensi dan bekepentingan dari segi warisan yang terdapat di Taiping juga telah dimasukkan dalam senarai inventori JWN untuk dilengkapi maklumat kajian sebelum dicadangkan sebagai warisan selaras dengan peruntukan Akta 645. Tapak-tapak bangunan ini termasuklah Pasar Taiping, Hospital Kerajaan, Bangunan Persatuan Hokkien, Balai Penghulu Matang dan lain-lain.

Kementerian ini melalui JWN komited untuk terus melaksanakan penyelidikan dan mencadangkan pewartaan tapak-tapak warisan di kawasan ini bagi tujuan pemuliharaan, pemeliharaan dan perlindungan demi meneruskan kelestarian warisan Bandar Taiping.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB PUAN NOR AZRINA BINTI SURIP
[MERBOK]**

TARIKH : 2 JULAI 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah promosi berbentuk segera dan berjangka pendek dalam menaikkan sektor pelancongan yang telah dikenalpasti dapat menaikkan nama negara di peringkat dunia secara umumnya dan pendapatan kepada negeri dan juga negara secara amnya seperti tapak arkeologi Sg. Batu, Kerajaan Kedah Tua yang telah terbukti tamadunnya lebih awal dari Angkor Wat dan juga Borobudur.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Pada tahun 2018, seramai 25.8 juta orang pelancong telah melawat Malaysia dengan jumlah pendapatan pelancongan sebanyak RM84.1 billion. Malaysia menerima jumlah kedatangan pelancong yang ramai setiap tahun kerana negara ini kaya dengan produk-produk pelancongan yang menarik minat para pelancong untuk melawat Malaysia setiap tahun.

Di antara inisiatif-inisiatif promosi pelancongan berbentuk segera dan berjangka pendek yang dijalankan oleh Kementerian Pelancongan, Seni dan Kebudayaan (MOTAC) melalui agensi Tourism Malaysia (TM) adalah seperti yang berikut :

1. Menjalankan program kempen taktikal yang mana produk dan pakej pelancongan dipromosikan dengan harga yang lebih kompetitif di pasaran sasaran untuk merangsang (*stimulate*) permintaan pasaran sasaran. Kempen ini biasanya dipromosikan dalam jangka masa tiga bulan bagi mendapatkan pembelian awal atau untuk melancong ke Malaysia pada bukan musim percutian pasaran mereka. Kempen sebegini dijalankan di pasaran ASEAN khususnya bagi menarik minat pelancong ASEAN untuk datang ke Malaysia dalam jangka masa pendek dan juga pasaran Asia Utara dan Barat serta Eropah, Amerika dan Oceania untuk menarik minat pelancong datang ke Malaysia semasa 'lean period' iaitu bukan musim percutian negara mereka. Semasa kempen taktikal ini, pengusaha pelancongan dan hotel akan memberikan potongan harga kepada pakej pelancongan dan kadar hotel dan dengan menempah lebih awal.

2. Selain itu, program-program khas seperti aktiviti promosi penerbangan carter (*chartered flights*) turut sama diadakan bersama pengusaha pelancongan dan pemunya penerbangan bagi mempromosikan destinasi pelancongan di Malaysia. Sebagai contoh penerbangan Condor Air daripada Frankfurt, Germany ke Kuala Lumpur untuk musim panas 2019 dan penerbangan carter daripada Kazakhstan ke Langkawi hasil kerjasama di antara TM, Malaysia Airport Berhad dan Kompas Tour Operator pada musim sejuk 2018.

3. Mengadakan bengkel-bengkel pembangunan pakej serta seminar bagi membantu agensi pelancongan luar negara membangunkan pakej-pakej yang lebih menarik dan berdaya maju. Sebagai contoh, Pejabat TM Ho Chi Minh City mengadakan seminar produk pelancongan bersama Malindo Air, Sunway Lagoon dan Malaysia Healthcare Travel Council pada 28 Mac 2019 dan telah dihadiri oleh 100 agensi pelancongan Vietnam di Ho Chi Minh City.

4. Melalui pelaksanaan program MegaFam dengan mempelawa wakil-wakil media antarabangsa untuk menyertai acara-acara dan program-program pelancongan supaya ia dapat dipromosikan di luar negara. Sebagai contoh, lawatan megafam sempena Majlis Rumah Terbuka Malaysia Aidilfitri dari 20 hingga 25 Jun 2019 di Kuala Lumpur

yang melibatkan 29 orang media termasuk *blogger* dari rantau ASEAN, Timur Tengah, Oceania dan Eropah;

5. Mempromosikan pakej pelancongan melalui risalah “*Cuti-Cuti 1Malaysia 1001 Packages*” yang turut dimuat naik ke laman web TM; dan

6. Menyebarkan maklumat mengenai produk pelancongan negeri kepada pelancong melalui 6 Pejabat Wilayah TM Negeri dan 21 buah Pusat Penerangan Pelancongan (*Tourist Information Centre*) di seluruh negara serta melalui laman sesawang TM;

MOTAC mengambil maklum tapak arkeologi Sungai Batu sebagai salah satu tarikan pelancong disebabkan nilai sejarahnya sebagai salah satu tamadun tertua di Asia Tenggara. Untuk itu, Kementerian ini melalui Jabatan Warisan Negara (JWN) telah melaksanakan program kesedaran di beberapa lokasi bagi mempromosikan produk warisan dalam bentuk jangka pendek dalam menaikkan sektor pelancongan negara. Ini termasuklah menganjurkan persidangan, ceramah, pameran dan lain-lain yang dapat menyebarkan pengetahuan tentang kepentingan tapak warisan dan memberi impak tinggi kepada kehadiran pelancong dari dalam dan luar negara.

Bagi tujuan yang sama, pihak JWN telah melaksanakan usahaewartakan mana-mana tapak yang berkepentingan warisan di bawah Akta Warisan Kebangsaan 2005 [Akta 645] untuk tujuan pemuliharaan, pemeliharaan dan perlindungan ke atas tapak-tapak warisan. Pewartaan ini merupakan nilai tambah kepada sesuatu tapak untuk dipromosikan bagi menarik kehadiran pelancong ke tapak berkenaan. Pihak JWN juga telah berusaha untuk mengangkat pencalonan mana-mana tapak yang berpotensi di Malaysia kepada pihak UNESCO bagi mendapatkan pengiktirafan sebagai Tapak Warisan Dunia. Selain itu, usaha promosi dalam bentuk penerbitan juga telah dilaksanakan sebagai sebaran pengetahuan kepada masyarakat umum.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Tapak Warisan Arkeologi Sungai Batu telah mendapat peruntukan sebanyak RM10 juta dalam *Rolling Plan 4*, RMKe-11 bagi membina pusat penyelidikan arkeologi,

pakir terbuka, *shelter*, pusat sumber serta menaiktaraf prasarana lain yang berkaitan. Setelah prasarana ini siap kelak, aktiviti promosi akan dibuat dengan lebih giat bagi menarik kedatangan pelancong sama ada dari dalam atau luar negara. Dalam pada itu, program-program berbentuk promosi yang pernah dijalankan di tapak ini termasuklah penganjuran *Kedah Tua International Conference* pada tahun 2016 dan *The International Conference on Bujang Valley and Early Civilisations in Southeast Asia* pada tahun 2010. Pada tahun ini, JWN akan menganjurkan Program Festival Kedah Tua dan Jejak Warisan Merdeka pada 24 Ogos 2019. Selain daripada aktiviti pameran, acara sampingan termasuk demonstrasi masakan warisan Kedah, demonstrasi permainan tradisi dan forum yang dijangka dapat menarik minat pelancongan untuk hadir ke tapak.

Pihak JWN juga telahewartakan Tapak Arkeologi Lembah Bujang yang meliputi tapak Sungai Batu, Pengkalan Bujang, Bukit Choras, Permatang Pasir dan Candi Batu Pahat di bawah Akta 645.

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat juga, Tapak Arkeologi Lembah Bujang sedang dikaji kesesuaiannya untuk dicalonkan sebagai Tapak Warisan Dunia pada masa hadapan. Sekiranya data penyelidikan lengkap diperolehi serta memenuhi kriteria yang ditetapkan oleh pihak UNESCO, usaha pencalonan akan dilaksanakan.

Selain itu, buku-buku yang menceritakan tentang tapak Sungai Batu dan Lembah Bujang seperti *Bujang Valley and Early Civilisations In Southeast Asia*, *Warisan Arkeologi Malaysia* dan *Jurnal Warisan* juga telah diterbitkan oleh JWN sebagai promosi dan sebaran pengetahuan berkenaan tapak kepada masyarakat umum.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK WILSON UGAK ANAK
KUMBONG [HULU RAJANG]**

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

SOALAN : 53

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sekiranya pihak Kementerian bercadang untuk :

- (a) membina jalan dari Nanga Mujong ke Nanga Gaat terus ke Rumah Tunku, Nanga Sebiro, Sg. Gaat, Bahagian Kapit; dan
- (b) membina jalan dari Rumah Juntan ke Rumah Bengau, Nanga Sut, Kapit.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

(a) bagi Projek Membina Jalan dari Nanga Mujong Ke Nanga Gaat Terus Ke Rumah Tunku, Nanga Sebiro, Sg. Gaat, Kapit, Kementerian telah membuat permohonan semula di bawah *Rolling Plan 4*, RMKe-11 tahun 2020. Walau bagaimanapun, kelulusan projek ini tertakluk kepada Kementerian Hal Ehwal Ekonomi (MEA) dan kedudukan kewangan semasa Negara.

(b) Manakala Projek Jalan Rumah Juntan ke Jalan Melekun, Nanga Sut, Kapit, Sarawak telah diluluskan pelaksanaannya di bawah *Rolling Plan Kedua*, tahun 2017, RMKe-11 dan telah dilaksanakan Makmal Kajian Nilai pada bulan April 2018. Pada masa ini, proses pelantikan perunding sedang dibuat dan dijangka akan ditender pada bulan April 2020.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN TAN KOK WAI [CHERAS]

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 54

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada siasatan telah dijalankan berikutan aduan bertulis kepada Menteri oleh wakil-wakil penduduk bertarikh 2 April 2019 dan Ahli Parlimen Cheras bertarikh 8 April 2019 berhubung tindakan memperdaya dan melanggar Akta Pemajuan Perumahan (Kawalan dan Pelesenan) oleh Asiamega Capital Sdn Bhd, peneraju projek pembangunan pejabat "Arte Cheras", apakah hasil siasatan dan tindakan susulan yang diambil oleh Kementerian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, berdasarkan semakan yang dibuat oleh Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN), didapati bahawa tiada sebarang rekod pemajuan atau pelesenan yang menunjukkan bahawa projek Arte Cheras ini dimajukan oleh Asiamega Capital Sdn. Bhd.

2. Semakan dan siasatan lanjut mendapati bahawa projek Arte Cheras ini dimajukan oleh Nusmetro Property Sdn. Bhd. Namun demikian, projek ini tidak mempunyai rekod Lesen Pemajuan Perumahan dan Permit Iklan dan Jualan (APDL) dengan Kementerian ini.

3. Walau bagaimanapun, pihak Kementerian mendapati pemaju ini mempunyai beberapa APDL bagi projek yang lain seperti berikut :

- a) 10581-1/12-2012/1389- Nusmetro Venture (P) Sdn. Bhd.
(Nama Pemajuan: The Oasis)
- b) 13039-1/06-2018/01464(L)- Nusmetro City Sdn. Bhd.
(Nama Pemajuan: Arte S)
- c) 14344-1/05-2020/01895(L)- Nusmetro Property Sdn. Bhd.
(Nama Pemajuan: Arte Mont Kiara)

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB USTAZ CHE ALIAS BIN HAMID
KAWASAN : KEMAMAN
TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB USTAZ CHE ALIAS BIN HAMID minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah hasil kajian berkenaan pemansuhan tol yang dijadualkan diserahkan kepada Kabinet pada Jun 2019.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, Kementerian Kerja Raya dalam proses menyediakan Memorandum Jemaah Menteri berhubung dengan Kajian Halatuju Industri Lebuhraya Bertol di Malaysia untuk dibentangkan kepada Jemaah Menteri yang dijangkakan pada pertengahan Julai 2019. Kajian tersebut telah mengambil kira pelbagai senario dan alternatif untuk kerajaan menangani isu tol ini.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN AKMAL NASRULLAH BIN MOHD. NASIR
[JOHOR BAHRU]**

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

Tuan Akmal Nasrullah bin Mohd. Nasir [Johor Bahru] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan adakah terdapat perancangan untuk mengemas kini Akta Timbang dan Sukat 1972 dalam usaha untuk membanteras aktiviti perniagaan yang tidak beretika bagi melindungi pengguna daripada dieksploitasikan oleh peniaga.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) sentiasa peka dan prihatin terhadap isu penipuan alat timbang dan sukat oleh peniaga kepada pengguna melalui penguatkuasaan Akta Timbang dan Sukat 1972 dan peraturan subsidiarinya.

Akta Timbang dan Sukat 1972 bertujuan mengawalselia timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan. Akta memperuntukkan kuasa untuk menjalankan penguatkuasaan, pematuhan perintah bentuk serta pelesenan timbang dan sukat dan alat timbang dan sukat.

Kementerian sentiasa mengambil langkah proaktif untuk memastikan Akta Timbang dan Sukat 1972 dan Peraturan subsidiarinya sentiasa selari dengan kemajuan teknologi, serta selaras dengan nasihat Penyimpan Timbang dan Sukat iaitu **Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan (MSPK)**. Sehubungan itu, Kementerian dan MSPK sedang mengkaji dan menambahbaik peraturan-peraturan berikut;-

- i. **Peraturan-Peraturan Timbang dan Sukat 1981** untuk memastikan pematuhan Standard Kerja yang digunakan untuk penentusahan alat timbang dan sukat, pengawalseliaan pemegang Lesen Timbang dan Sukat yang menjalankan aktiviti Membuat, Membaik dan Menjual timbang atau sukat alat timbang atau sukat;
- ii. Mengemaskini **Perintah Bentuk atau Penentuan bagi Timbang atau Sukat atau Alat Timbang atau Sukat 1981**. Ini memastikan pematuhan kepada “**Kelulusan Perintah Bentuk**” bagi timbang atau sukat atau alat timbang atau sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan daripada **Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan**. Sehubungan itu, alat timbang dan sukat yang digunakan untuk tujuan perdagangan wajib mematuhi perintah bentuk dan ketepatan pengukuran yang ditetapkan **Makmal Standard Pengukuran Kebangsaan**; dan
- iii. Alat timbang dan sukat yang tidak mempunyai kelulusan perintah bentuk **TIDAK BOLEH** ditentukan dibawah Akta Timbang dan Sukat 1972 untuk tujuan perdagangan.

Sehubungan itu, Kementerian sentiasa komited bagi memastikan pengguna dilindungi dari penipuan dan manipulasi alat timbang dan sukat oleh peniaga yang tidak beretika ditangani dengan penguatkuasaan Akta Timbang dan Sukat 1972 dan peraturan subsidiarinya.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE
[SANDAKAN]

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 57

PUAN VIVIAN WONG SHIR YEE [SANDAKAN] minta MENTERI KESIHATAN menyatakan apakah dasar dan insentif Kementerian untuk menghasilkan dan menarik lebih banyak pakar perubatan untuk menangani masalah kekurangan pakar di hospital awam, terutamanya di bandar-bandar seperti Sandakan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Bagi menangani masalah kekurangan Pakar Perubatan di hospital awam, Kerajaan telah melaksanakan pelbagai inisiatif bagi menghasilkan dan menarik lebih ramai Pakar Perubatan melalui:

1. Peningkatan slot tajaan Hadiah Latihan Persekutuan daripada 800 slot pada tahun 2009 kepada 1,100 slot pada tahun 2019 untuk menggalakkan lebih ramai Pegawai Perubatan melanjutkan pengajian dalam program Sarjana Kepakaran;
2. Peningkatan peluang latihan kepakaran perubatan melalui Program Latihan Kepakaran *Parallel Pathway*;
3. Pelantikan semula secara kontrak Pegawai Perubatan Pakar warganegara yang telah bersara wajib untuk berkhidmat dengan

NO SOALAN : 57

KKM mengikut keperluan terutama bagi bidang kritikal dan di kawasan yang memerlukan perkhidmatan kepakaran yang tinggi;

4. Perkhidmatan kepakaran daripada pihak swasta untuk berkhidmat secara *sessional* (dengan izin) di mana Kerajaan telah meluluskan kenaikan kadar bayaran perkhidmatan *sessional* ini mengikut kategori berkuatkuasa pada 1 Mei 2019; dan
5. Menggalakkan Pakar Perubatan warganegara Malaysia yang berkhidmat di luar negara untuk pulang ke tanah air.

Selain itu, bagi menarik minat Pegawai Perubatan untuk berkhidmat di Sabah, insentif dan elaun khas yang disediakan Kerajaan ialah:

1. Bayaran Insentif Wilayah bagi pegawai di Sabah atas kadar peratusan 12.5 hingga 25 peratus daripada gaji bulanan;
2. Elaun Khas Mengikut Lokasi dan Tahap Kesusahan (EKMLTK) kepada Pegawai Perubatan yang berkhidmat di fasiliti kesihatan di kawasan pedalaman yang diluluskan, atas kadar RM500 atau RM1,000 atau RM1,500 berdasarkan kategori pedalaman fasiliti tersebut;
3. Bayaran Insentif Pedalaman bagi pegawai di Sabah atas kadar 10 peratus dari gaji bulanan;
4. Bayaran Insentif Penempatan Sabah, Sarawak dan Labuan kepada pegawai bukan warganegara yang dilantik secara kontrak berkhidmat di Sabah, Sarawak atau Labuan;
5. Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/Pergigian di Fasiliti Kesihatan Di Sabah dan Sarawak berkuatkuasa 1 Julai 2016;

6. Bayaran Insentif Penempatan Pakar Perubatan/Pergigian di Fasilitas Kesehatan Di Wilayah Persekutuan Labuan berkuatkuasa mulai 1 April 2017; dan
7. Pegawai Perubatan yang berkhidmat di Sabah diberi merit 5% markah tambahan dalam markah keseluruhan bagi pemilihan calon yang akan menjalani latihan kepakaran untuk Program Sarjana Perubatan.

Dalam pada itu, KKM juga menambahbaik perkhidmatan kepada rakyat khususnya dalam perkhidmatan kepakaran termasuk:

1. Melaksanakan konsep hospital kluster melalui perkongsian kemudahan antara hospital bagi Pakar Perubatan dan Pegawai Perubatan menyampaikan rawatan kesihatan dalam lingkungan hospital-hospital yang diklusterkan; dan
2. Melaksanakan *visiting specialist* (dengan izin) bagi Pakar Perubatan menyampaikan rawatan kepada penduduk sekitar di luar bandar.

Sehingga 31 Mei 2019 terdapat 35 Pegawai Perubatan Pakar pelbagai bidang yang ditempatkan di Hospital Dutchess of Kent, Sandakan.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH
KAWASAN : LIMBANG
TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB TUAN HAJI HASBI BIN HAJI HABIBOLLAH minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan memandangkan Lebuh Raya Borneo Utara (LBU) sudah ditangguhkan dapatkah Kerajaan memberi peruntukan berkala untuk naik taraf lokasi-lokasi tertentu jalan-jalan Persekutuan di Limbang yang sedia ada yang sudah semakin reput dan akan mengakibatkan kemalangan.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pihak Kementerian Kerja Raya tidak pernah membatalkan pelaksanaan Projek Lebuhraya Pan Borneo, samada di Sarawak ataupun di Sabah. Pihak Kementerian hanya membatalkan pelantikan Rakan Penyampai Projek atau *Project Delivery Partner* (PDP) bagi projek tersebut. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, selagi sesuatu jalan tidak diserahkan kepada pihak Kontraktor untuk dinaiktaraf, maka kerja-kerja penyenggaraan rutin dan berkala akan dilaksanakan oleh syarikat Konsesi yang telah dilantik oleh pihak Kementerian Kerja Raya. Jumlah panjang jalan Persekutuan di Bahagian Limbang yang disenggara oleh syarikat Konsesi adalah sepanjang 117.2 km. Setakat ini, Kementerian Kerja Raya telah memperuntukkan sebanyak RM 3.8 juta setahun bagi tujuan melaksanakan penyenggaraan rutin. Untuk kerja-kerja penyenggaraan berkala pavemen pula, sebanyak RM 16.5 juta telah dibelanjakan dari tahun 2016 hingga 2019.

Selain daripada penyenggaraan rutin dan penyenggaraan berkala, Kementerian juga sentiasa melaksanakan pemantauan dan menganalisa kes-kes kemalangan daripada data POL.27 untuk mengenalpasti lokasi-lokasi yang kerap berlaku kemalangan (*blackspot*) supaya tindakan penambahbaikan di lokasi terbabit dapat dibuat mengikut keutamaan dan peruntukan yang diluluskan oleh Agensi Pusat.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA, PARLIMEN KEEMPAT
BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' DR. NORAINI AHMAD
[PARIT SULONG]**

TARIKH SOALAN : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 59

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN** menyatakan apakah usaha dan dasar yang dilaksanakan oleh Kementerian untuk memastikan elemen kemahiran digital dan '*artificial intelligence*' wujud dalam pelan pembangunan keusahawanan terutama dalam kalangan wanita.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian Pembangunan Usahawan (MED) sentiasa komited dalam melaksanakan agenda pembangunan usahawan, khususnya dalam bidang keusahawanan digital.

MED akan melancarkan Dasar Keusahawanan Nasional (DKN) pada 11 Julai 2019. DKN akan memberi fokus kepada perusahaan berteraskan inovasi dan memudahcara proses pertukaran teknologi dan inovasi. Ini termasuklah bantuan bersasar kepada perusahaan yang terlibat dalam Industri 4.0, yang melibatkan automasi, pendigitalan dan kecerdasan buatan (*Artificial Intelligence - AI*). MED juga akan memperkukuhkan ekosistem inovasi di peringkat nasional dan menyediakan pinjaman berasaskan prestasi dan insentif inovasi.

SOALAN NO. 59

Sejak tahun 2011 hingga tahun 2016, penyertaan wanita dalam bidang keusahawanan telah menunjukkan peningkatan sebanyak 46.7%. Ini berdasarkan kepada data Banci Ekonomi 2016 yang dijalankan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia di mana terdapat sejumlah 20.6% (186,930) perusahaan milikan wanita pada tahun 2015 berbanding 19.9% (127,429) pada tahun 2010.

Bagi memperluaskan capaian berkaitan perniagaan digital secara menyeluruh di kalangan usahawan wanita, SME Corp. Malaysia melaksanakan Program *Women Netpreneur* yang bertujuan membantu usahawan wanita memanfaatkan teknologi bagi memulakan dan mengembangkan perniagaan mereka secara dalam talian.

Dengan kerjasama *Gorgeous Geeks* (badan NGO) dan rakan strategik seperti *An Association for all IT Architects* (IASA Malaysia), Suruhanjaya Syarikat Malaysia (SSM), Telekom Malaysia (TM), POS Malaysia, MAMPU, Google Malaysia, Shopee, Lelong.my, IPay88, *Buy Malaysia*, Mpay dan *Easy Parcel*, SME Corp telah menganjurkan siri latihan Penggunaan Maklumat Digital dan Praktikal eCommerce, serta Bengkel Perniagaan Digital. Program ini telah dijalankan di negeri Johor, Pulau Pinang, Terengganu, Kuala Lumpur, Sabah dan Sarawak. Tiga (3) sesi iaitu di Johor, Pulau Pinang dan Terengganu telah memberi manfaat kepada 302 usahawan wanita, manakala sesi di Sabah akan dijalankan pada bulan September 2019.

Kementerian Pembangunan Wanita, Keluarga dan Masyarakat (KPWKM) pula telah melaksanakan Program Peningkatan Kapasiti Wanita berkonsepkan Pusat Aktiviti *Community-Based-Enterprise* (PACBE) bagi memperkasa wanita terutama kumpulan B40 dengan sasaran 30% penyertaan ibu tunggal yang berdaftar dalam Sistem iWanita. PACBE mempunyai empat (4) fokus utama:

1. inisiatif pembangunan kemahiran (bidang kemahiran yang ditawarkan seperti jahitan dan sulaman, *mobile spa*, solekan pengantin, kraf kreatif, pembuatan kuih dan kek, urutan *post natal* dan tanaman);

SOALAN NO. 59

2. kemahiran keusahawanan (pembungkusan, pemasaran, *digital marketing*);
3. komuniti harmoni; dan
4. advokasi (Program *Legal Clinic*, *D'stress Clinic*, Program Wanita Anti Jenayah (WAJA), dan Kempen Hentikan Keganasan Terhadap Wanita).

PACBE juga adalah satu bentuk pendekatan keusahawanan berkonsepkan kerjasama antara usahawan-usahawan Jabatan Pembangunan Wanita (JPW) ataupun individu berkemahiran yang telah berjaya dalam bidang masing-masing, untuk memberikan latihan serta berkongsi ilmu bagi membantu peserta wanita termasuk ibu tunggal menjana pendapatan. Program ini dilaksanakan secara meluas ke seluruh negara melalui Pejabat Pembangunan Wanita Negeri (PPWN).

Pada tahun 2018, sebanyak 648 PACBE telah dilaksanakan dengan penglibatan seramai 10,201 orang peserta. Daripada jumlah ini, 2,500 orang peserta adalah ibu tunggal.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHA KEE CHIN [RASAH]

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 60

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah status pemberian geran RM10,000 untuk program komuniti kepada setiap MPKK Kampung Baru setakat ini, kerana banyak MPKK masih belum menerima geran ini walaupun sudah memasuki pertengahan tahun 2019, dan juga kelewatan dalam perlantikan Pegawai Kemajuan Perkampungan (PKP).

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, status pemberian geran RM10,000 bagi 224 permohonan program komuniti kepada setiap Majlis Pengurusan Komuniti Kampung (MPKK) Kampung Baru setakat ini adalah seperti berikut:

- (i) 112 permohonan Geran MPKK berjumlah RM429,100 telah diterima sehingga 19 Jun 2019;

- (ii) 43 permohonan berjumlah RM143,500 telah diluluskan oleh KPKT;
- (iii) 15 permohonan berjumlah RM72,000 tidak dapat dipertimbangkan;
- (iv) 54 permohonan berjumlah RM213,600 pula masih dalam pertimbangan.

2. Permohonan MPKK yang tidak dapat dipertimbangkan kerana tidak mematuhi terma dan syarat yang ditetapkan seperti permohonan diterima selepas program dilaksanakan, permohonan melebihi amaun RM10,000 dan tarikh cadangan program yang akan dilaksanakan adalah pada tahun depan.

3. Untuk makluman Yang Berhormat juga, seramai 61 orang Pegawai Kemajuan Perkampungan (PKP) telah dilantik berkuat kuasa mulai 14 April 2019 dan 19 Jun 2019. Pelantikan PKP perlu mengikut prosedur tapisan dan penilaian yang telah ditetapkan oleh Jabatan Perkhidmatan Awam (JPA) di mana calon-calon PKP yang diperakukan oleh KPKT perlu disahkan oleh Suruhanjaya Perkhidmatan Awam (SPA) terlebih dahulu.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD
[KANGAR]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 62

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan apakah rancangan untuk membolehkan tadika dan pusat aktiviti kanak-kanak (transit) komuniti diwujudkan di kawasan PPR di seluruh negara memandangkan ada permintaan tinggi tetapi kemudahan yang ada kurang bersesuaian.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Bidang Fokus 4 Dasar Komuniti Negara telah menggariskan penerapan pendidikan dan kemahiran khususnya bagi anak-anak golongan berpendapatan rendah (B40). Di bawah Strategi 4.1, Bidang Fokus 4 pula, ia memberi fokus kepada menggalakkan persekitaran pendidikan awal yang kondusif dan berkesan.

2. Bagi mencapai matlamat ini, KPKT telah mewujudkan Tadika Perpaduan secara rintis di PPR Lembah Subang 2, Selangor. Program ini diuruskan oleh Pejabat Sekretariat Muafakat Komuniti (PSMK), Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) dan dibantu oleh Jabatan Perpaduan Negara dan Integrasi Nasional (PERPADUAN) dan Kawasan Rukun Tetangga (KRT). Tadika Perpaduan di PPR Lembah Subang 2 sehingga kini telah menempatkan seramai 63 orang kanak-kanak. Tadika itu juga telah mendapat sentuhan kreatif hasil kolaborasi strategik KPKT dengan syarikat swasta (Gamuda Land). Kemudahan yang diberikan adalah dalam bentuk mural yang cantik dan ceria bagi menarik minat kanak-kanak.

3. Pada masa yang sama, KPKT melalui Jabatan Perumahan Negara (JPN) juga telah menyediakan kemudahan ruang bagi keperluan tadika/pusat asuhan kanak-kanak di Program Perumahan Rakyat (PPR) yang dibina mengikut Garis Panduan dan Peraturan bagi Perancangan Bangunan yang dikeluarkan Unit Perancang Ekonomi (Kementerian Hal Ehwal Ekonomi) edisi 2015. Pembangunan kemudahan yang telah disediakan bagi pembukaan tadika dan pusat aktiviti kanak-kanak komuniti memerlukan kerjasama daripada pihak PERPADUAN dan Jabatan Kemajuan Masyarakat (KEMAS) bagi menguruskan tadika tersebut serta menggerakkan aktiviti pembelajaran mengikut kurikulum

yang telah dibangunkan. Selain itu, KPKT juga menggalakkan syarikat-syarikat swasta memberi kerjasama strategik untuk menambah baik serta mempertingkatkan kemudahan tadika sedia ada.

4. KPKT boleh menambah kemudahan/ruangan bagi tadika dan pendidikan awal kanak-kanak mengikut keperluan komuniti di PPR seperti yang telah dijalankan di PPR Lembah Subang 2.

5. Di samping itu, KPKT melalui Dasar Komuniti Negara juga telah mengadakan Program Anakku Anakmu bagi memenuhi permintaan tinggi terhadap taska/tadika. Menerusi program ini, Kerajaan telah mengenal pasti golongan ibu dalam kalangan penghuni PPR untuk menjalankan perniagaan atau menjadi sukarelawan perkhidmatan penjagaan kanak-kanak apabila ibu bapa mereka keluar bekerja. Melalui Program Anakku Anakmu ini, Jabatan Kebajikan Masyarakat (JKM) memberi latihan dan sijil kepada sukarelawan dalam asas penjagaan kanak-kanak. Program Anakku Anakmu ini akan diperluaskan ke PPR yang lain berdasarkan keperluan komuniti setempat.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @
TUBAU [LIBARAN]

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 63

DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU [LIBARAN] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan pemberian peruntukan untuk membina sebuah klinik kesihatan baru di Kampung Gum-gum serta menaik taraf infrastruktur dan kemudahan di klinik desa dan klinik komuniti yang sedia ada.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) sentiasa mengambil berat akan keperluan untuk menaiktaraf kemudahan-kemudahan klinik yang sedia ada di sesebuah kawasan jika terdapat keperluan.

Untuk makluman, pada masa ini terdapat dua (2) buah fasiliti kesihatan di Kampung Gum Gum iaitu Klinik Desa dan Klinik Komuniti Gum Gum. Klinik Desa Gum Gum telah mula beroperasi sejak tahun 1970-an dan telah beberapa kali dinaik taraf dan sekarang merupakan bangunan binaan konkrit. Bagaimanapun dengan keluasan 0.3 ekar, klinik ini tidak dapat untuk dinaiktaraf kepada klinik kesihatan atau dibesarkan lagi. Oleh itu, pada tahun 2015, Klinik Komuniti telah diwujudkan di Projek Perumahan Rakyat Gum Gum untuk menyediakan perkhidmatan jagaan primer. Klinik ini juga telah ditempatkan dengan Pegawai Perubatan.

Kerajaan memang mengakui bahawa terdapat keperluan sebuah klinik kesihatan di kawasan ini memandangkan jarak antara Klinik Desa dan Klinik Komuniti adalah sejauh 1.5 km. Bagaimanapun, pembinaan klinik Kesihatan yang baru ini memerlukan kerjasama pemimpin politik tempatan dan kerajaan Negeri untuk menyediakan tapak baru dengan keluasan dan lokasi yang bersesuaian.

Pada masa ini, bagi menambah baik perkhidmatan Kesihatan di kawasan Libaran, KKM akan membina sebuah Klinik Kesihatan Jenis 6 dengan Kuarters di Kampung Sungai Manila yang dijadualkan akan ditender pada akhir tahun 2019.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO
[KLANG]

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 64

TUAN CHARLES ANTHONY SANTIAGO [KLANG] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan langkah-langkah yang akan diambil untuk melaksanakan “*transparency mechanism*” untuk memastikan harga ubat-ubatan berpatutan selaras dengan perbincangan di *World Health Organisation* baru-baru ini.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengalu-alukan pencapaian resolusi “*improving the transparency of markets for medicines, vaccines, and other health products*” yang dibincangkan di Perhimpunan Kesihatan Sedunia (WHA) kali ke-72 yang diadakan pada 20 hingga 28 Mei 2019 di Geneva. Resolusi ini menggesa negara-negara anggota untuk mengambil pendekatan perkongsian secara terbuka maklumat harga, kos ubat-ubatan, status paten dan kelulusan pemasaran produk. Kementerian percaya langkah ini akan membantu mengukuhkan kedudukan rundingan Kerajaan dan meningkatkan keupayaan Negara mendapatkan harga ubat yang berpatutan dalam mengatasi peningkatan kos penjagaan kesihatan.

KKM telah mengambil pelbagai langkah untuk memastikan harga ubat-ubatan berpatutan dan meningkatkan akses seperti “*pool procurement*” antara Kementerian, rundingan harga secara aktif, serta penglibatan dalam penyelidikan dan pembangunan melalui kerjasama *Clinical Research Malaysia* (CRM) dengan institusi R & D seperti *Drugs for Neglected Diseases Initiative* (DNDi). Di samping itu, perkongsian Harga Panduan Pengguna di laman sesawang Program Perkhidmatan Farmasi www.pharmacy.gov.my boleh diakses oleh orang awam dalam mendapatkan maklumat tentang harga ubat-ubatan.

Langkah yang sedang diambil oleh KKM untuk melaksanakan “*transparency mechanism*” adalah dengan pelaksanaan kawalan harga ubat. Mekanisme harga ubat yang dicadangkan adalah melibatkan dua peringkat kawalan iaitu harga borong maksimum berdasarkan penandaarasan harga antarabangsa, dan harga pengguna maksimum melalui tokokan (*mark-up*). Ketelusan maklumat harga menjadi asas dalam penetapan harga bagi mekanisme tersebut.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATUK WIRA HAJAH MAS ERMIEYATI
BINTI SAMSUDIN [MASJID TANAH]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 65

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan sama ada Kementerian mempunyai perancangan untuk membanteras sindiket haram yang berleluasa mengenakan caj kepada pengguna di tempat letak kereta awam.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) melalui Pihak Berkuasa Tempatan (PBT) telah mengambil tindakan untuk membanteras sindiket haram yang mengenakan caj kepada pengguna di tempat letak kereta awam melalui langkah-langkah seperti berikut:
 - (i) Menempatkan anggota penguat kuasa untuk melakukan kawalan statik, pemantauan dan menjalankan rondaan kerap

di lokasi dikenal pasti bagi mengelak sindiket itu berlaku selain menghalau mereka;

- (ii) Memasang papan tanda larangan mengutip duit parkir dan memberi duit kepada ulat parkir atau sindiket parkir haram di beberapa lokasi tumpuan;
- (iii) Mengambil tindakan penguatkuasaan terhadap sindiket haram parkir melalui Undang-undang Kecil Pelesenan Tempat Letak Kereta Persendirian di PBT manakala bagi mereka yang mengutip wang secara haram daripada pemilik kenderaan (ulat parkir) boleh didakwa mengikut Seksyen 50(3) Akta Pengangkutan Jalan 1987 sebelum dihadapkan ke mahkamah serta dijatuhkan hukuman denda RM300 oleh Mahkamah Majistret jika mengaku bersalah; dan
- (iv) Mengadakan operasi penguatkuasaan secara bersepadu (terhadap sindiket haram parkir dan terhadap ulat parkir) bersama Polis Diraja Malaysia (PDRM), Jabatan Pengangkutan Jalan (JPJ), dan Agensi Antidadah Kebangsaan (AADK); dan
- (v) Memohon kerjasama orang ramai agar membuat aduan sekiranya diugut oleh ulat parkir kepada PBT dan PDRM supaya tindakan segera dapat diambil.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM
[SUNGAI SIPUT]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 66

TUAN KESAVAN A/L SUBRAMANIAM [SUNGAI SIPUT] minta **MENTERI KESIHATAN** menyatakan cadangan Kementerian bagi menaik taraf Hospital Sungai Siput yang tidak mampu menampung jumlah pesakit terutama di kawasan zon kecemasan.

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) mengambil maklum akan keperluan menaiktaraf Hospital Sungai Siput. Sehubungan itu, sebanyak RM 110.9 ribu telah diperuntukkan untuk perolehan peralatan perubatan di Hospital Sungai Siput pada tahun 2019. Sebanyak RM 75 ribu juga telah diperuntukkan untuk kerja-kerja menaiktaraf struktur bumbung dan siling hospital bagi tahun 2017 dan 2018. Hospital Sungai Siput juga telah diberi peruntukan khas sebanyak RM 159.4 ribu pada tahun 2018 untuk perolehan peralatan termasuk bagi Jabatan Kecemasan. Cadangan selanjutnya untuk menaiktaraf Jabatan Kecemasan Hospital Sungai Siput pula akan dipohon di dalam RMK ke-12 yang akan datang.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : TUAN ALI ANAK BIJU [SARATOK]

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

SOALAN : 67

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan memandangkan peruntukan "*Rural Electrification Scheme*" di luar bandar disediakan di bawah pihak Kementerian Pembangunan Luar Bandar, adakah terdapat pendekatan terbaru pihak KPLB untuk mengatasi masalah beberapa kampung dan rumah panjang di kawasan Parlimen Saratok yang sekian lama masih tidak mempunyai bekalan elektrik.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, dalam penyediaan bekalan elektrik luar bandar (BELB) di Negeri Sarawak selain daripada pihak Kementerian, pihak Kerajaan Negeri juga turut melaksanakan projek BELB.

Berdasarkan semakan dengan pihak Kerajaan Negeri, terdapat enam (6) buah kampung sahaja lagi di kawasan Parlimen Saratok yang masih belum mendapat bekalan elektrik iaitu Rh Layang, Rh Luang, Rh Unding, Rh Ong Lum Puh, Rh Ragai dan Rh Lamada. Melalui perancangan yang dibuat oleh pihak Kerajaan Negeri pada penghujung tahun 2018, kampung-kampung tersebut dijangka akan menerima bekalan elektrik apabila projek yang akan dilaksanakan oleh pihak

NO. SOALAN: 67

Sarawak Energy Berhad (SEB) siap pada Julai 2020. Projek tersebut baru selesai proses tender dan dijangka akan mula pelaksanaan pada Julai 2019.

Dengan pelaksanaan projek isu bekalan elektrik di kawasan Saratok telah selesai. Walau bagaimanapun, jika masih terdapat kampung-kampung yang masih belum menerima bekalan elektrik, pihak Yang Berhormat adalah dipohon untuk mengemukakan senarai kampung tersebut kepada pihak Kementerian untuk tindakan selanjutnya.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATUK ROZMAN BIN ISLI [LABUAN]

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 68

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah Kementerian sedar bahawa Labuan dan Sabah adalah mempunyai kadar setinggian perkapita yang tertinggi dan nombor 2 tertinggi dalam negara. Bolehkah PPR (Projek Perumahan Rakyat) ditambah dalam RMK-12 akan datang ini untuk Labuan dan Sabah.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, sehingga Jun 2019 sebanyak 135 projek Program Perumahan Rakyat (PPR) (89,024 unit) telah siap dibina, 41 projek (16,947 unit) dalam pembinaan dan 19 projek (8,181 unit) dalam pelbagai peringkat perancangan di seluruh negara. Secara umumnya, jumlah peruntukan yang terlibat dalam pembangunan PPR di seluruh negara adalah sebanyak RM11.7 billion.
2. Daripada jumlah keseluruhan ini, sebanyak 20% (40 projek) dengan jumlah peruntukan keseluruhan sebanyak RM3.2 billion adalah di Sabah, pecahan adalah seperti berikut:

Status Projek	Bil. Projek	Jumlah Unit
Siap Dibina	30	20,799
Dalam Pembinaan	7	4,650
Perancangan	3	1,650
Jumlah	40	27,099

3. Manakala, bagi Labuan pula sebanyak 500 unit PPR sedang dalam pembinaan di projek PPR Batu Arang yang melibatkan peruntukan sebanyak RM119.5 juta dan dijangka siap pada Disember 2020.
4. Justeru, berkaitan cadangan penambahan PPR di Labuan dan Sabah untuk RMKe-12, keperluan tersebut wajar dikemukakan terlebih dahulu kepada Kerajaan Negeri untuk tujuan penyelarasan. Ini adalah kerana, pertimbangan cadangan pembinaan PPR di sesebuah negeri adalah tertakluk kepada kesediaan dan kesesuaian tapak tanah oleh Kerajaan Negeri.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

DARIPADA : DATUK ALEXANDER NANTA LINGGI [KAPIT]

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

SOALAN : 69

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan sebab-sebab mengapa sebahagian cadangan Jalan Ngungun/Temalat Bypass sepanjang hanya tinggal 5.1 kilometer termasuk sebuah jambatan merintasi Sungai Ngemah belum lagi dibuat sebut harga. Agaknya bila lagi projek ini dapat dimulakan pelaksanaannya.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Sepertimana Yang Berhormat sedia maklum, Projek Jalan Song-Kapit, Section B: Ngemah Temalat (Pakej 2) telah diluluskan pelaksanaannya di bawah Rancangan Malaysia Kesebelas, *Rolling Plan* Pertama (RMKe-11, RP1) Tahun 2016 dengan kos projek berjumlah RM66.0 juta. Skop kerja bagi projek ini adalah membina baru dan menaik taraf jalan sepanjang 5.1 km dan sebuah jambatan melintasi Sg. Ngemah. Status terkini projek ini adalah dalam peringkat perolehan dan dijangka akan ditender pada bulan Julai 2019.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZAMU
[TAMBUN]

TARIKH : 2 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN NO. 70

DATO' SERI AHMAD FAIZAL BIN AZAMU [TAMBUN] minta MENTERI KESIHATAN menerangkan langkah – langkah Kementerian untuk meningkatkan jumlah doktor pakar memandangkan latihan kepakaran hanya dikendalikan oleh universiti – universiti. Bukankah ini akan menyebabkan kesukaran bagi para doktor (*junior doctors*) memandangkan tempat – tempat universiti amat terhad?

JAWAPAN

Yang di-Pertua,

Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM) komited dalam menyediakan latihan kepakaran kepada pegawai perubatan ke arah meningkatkan lagi penyampaian perkhidmatan kesihatan kepada rakyat. Antara langkah-langkah yang diambil bagi meningkatkan jumlah doktor pakar adalah melalui penajaan pegawai perubatan mengikuti latihan kepakaran di bawah program Sarjana Perubatan dan secara laluan *parallel*.

Mulai sesi akademik 2019/2020, slot bagi program Sarjana Perubatan dapat dipertingkatkan daripada 1,000 slot pada 2018 kepada 1,100 slot pada tahun 2019. Sehingga Jun 2019, jumlah pegawai perubatan yang sedang menjalani latihan kepakaran di bawah program Sarjana Perubatan di universiti awam tempatan adalah seramai 4,758 orang.

Selain itu, sehingga Mei 2019 terdapat 14 program latihan kepakaran secara laluan *parallel* yang boleh diikuti di KKM iaitu melibatkan 14 buah bidang kepakaran. Sehingga 31 Mei 2019, terdapat 2,095 pegawai perubatan KKM yang mengikuti program latihan kepakaran secara laluan *parallel* di KKM.

KKM dan universiti awam sentiasa bekerjasama dan berusaha untuk meningkatkan slot latihan dan juga meneroka program latihan kepakaran secara laluan *parallel* baharu yang diperlukan oleh negara.

Sekian, terima kasih.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN
DARIPADA : YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU
KAWASAN : TUARAN
TARIKH : 02 JULAI 2019 (SELASA)

SOALAN :

YB DATUK SERI PANGLIMA MADIUS TANGAU minta **MENTERI KERJA RAYA** menyatakan apakah hala tuju pelaksanaan Projek Pan Borneo di Sabah dan Sarawak.

JAWAPAN :

Tuan Yang Di-Pertua,

Sepertimana Ahli Yang Berhormat sedia maklum, pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo di negeri Sabah dan Sarawak adalah bertujuan untuk meningkatkan kualiti jalan persekutuan menyeberangi negeri Sabah dan Sarawak. Jalan-jalan yang terlibat akan mempunyai spesifikasi setaraf dengan lebuhraya tidak bertol di semenanjung. Oleh itu, Kerajaan di peringkat persekutuan akan tetap meneruskan projek yang bakal memberi manfaat dari segi keselesaan perhubungan jalan darat, keselamatan pengguna yang lebih terjamin dan memangkin kemajuan ekonomi setempat kepada seluruh penduduk di negeri Sabah dan Sarawak.

Walau bagaimanapun, baru-baru ini Kementerian Kerja Raya telah mengeluarkan notis penamatan kepada Rakan Pelaksana Projek (*Project Delivery Partner* – PDP) bagi projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah. Notis tersebut adalah bermaksud untuk menamatkan perjanjian PDP yang telah ditandatangani pada 11 April 2016. Selaras dengan hasrat semasa Kerajaan Negeri Sabah supaya pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sabah diteruskan tanpa melibatkan pihak PDP dan dilaksanakan sepenuhnya oleh Jabatan Kerja Raya (JKR) Sabah, Jemaah Menteri dalam mesyuaratnya pada 5 April 2019 telah bersetuju supaya Kementerian Kerja Raya mengeluarkan notis penamatan perjanjian PDP tersebut. Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sabah kini sedang giat untuk merealisasikan proses transisi tersebut.

Bagi pelaksanaan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak pula, Kerajaan Persekutuan dan Kerajaan Negeri Sarawak masih meneliti kaedah yang bersesuaian untuk meneruskan projek Lebuhraya Pan Borneo Sarawak. Buat masa ini, Jemaah Menteri masih belum membuat sebarang keputusan, namun pelaksanaan projek masih dan akan tetap diteruskan.

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : **LISAN**

DARIPADA : **TAN SRI NOH BIN HJ OMAR**
[TANJONG KARANG]

TARIKH : **2 JULAI 2019 [SELASA]**

SOALAN NO. 72

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah jumlah MoU telah ditandatangani oleh KPKT bersama pemaju perumahan daripada negara China.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, terdapat 6 Perjanjian Persefahaman (MoU) yang telah ditandatangani di antara Syarikat Perumahan Negara Berhad (SPNB) dengan syarikat-syarikat berpangkalan di China.
2. Hasil daripada Perjanjian Persefahaman yang telah ditandatangani ini beberapa cadangan model perniagaan telah diterima dan sedang diperhalusi oleh Jabatan Perumahan Negara serta SPNB melalui siri perbincangan yang telah diadakan bersama syarikat-syarikat berkenaan. Kebanyakan model perniagaan yang dicadangkan adalah meliputi pembiayaan kepada projek perumahan mampu milik dan dijangka akan dimuktamadkan dalam masa terdekat oleh SPNB.

**MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS
PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT MALAYSIA**

PERTANYAAN : JAWAB LISAN

**DARIPADA : DATUK ZAKARIA BIN MOHD. EDRIS @ TUBAU
[LIBARAN]**

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

SOALAN : 73

minta **MENTERI PEMBANGUNAN LUAR BANDAR** menyatakan apakah status permohonan bekalan air di Kampung Banting dan minta supaya dapat mempercepatkan permohonan tersebut demi kesejahteraan rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Yang Berhormat, permohonan bekalan air di Kampung Banting termasuk di dalam pelaksanaan Projek Bekalan Air Luar Bandar (BALB) Kampung Dandulit dan Kawasan Sekitarnya, Sandakan, Sabah. Projek ini melibatkan anggaran kos sebanyak RM12.7 juta yang akan memberi manfaat kepada 398 buah rumah. Status terkini projek ini adalah di peringkat akhir reka bentuk dan penyediaan dokumen tender. Projek dijangka akan ditender pada Ogos 2019 setelah mendapat kelulusan reka bentuk dari Jabatan Air Negeri Sabah (JANS) dan proses pengambilan balik tanah selesai.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG LING BIU [SARIKEI]

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 74

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan adakah sisa plastik percuma atau dibeli dari negara asing.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, skrap plastik yang dieksport ke Malaysia dibeli oleh pengimport tempatan daripada syarikat pembekal luar negara mengikut harga pasaran dan juga tahap kualiti skrap plastik tersebut. Dalam hal ini, Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mensyaratkan hanya skrap plastik yang *homogeneous*, bersih dan bernilai tinggi sahaja dibenarkan untuk diimport.

2. Sehingga bulan Jun 2019, sebanyak 62 syarikat telah memenuhi kesemua syarat-syarat yang telah ditetapkan oleh KPKT dan telah lulus pemeriksaan premis di lapangan oleh pasukan pemeriksa Kementerian. Statistik syarikat pemegang AP tersebut mengikut negeri adalah seperti berikut:

Bil.	Negeri	Bilangan Syarikat
1.	Selangor	22
2.	Pulau Pinang	18
3.	Johor	10
4.	Perak	4
5.	Kedah	3
6.	Negeri Sembilan	3
7.	Melaka	2
Jumlah		62

3. Daripada 62 syarikat tersebut, 59 syarikat merupakan pemegang AP sedia ada dan 3 syarikat merupakan pemegang AP baharu. Berdasarkan rekod Kementerian, kesemua syarikat tersebut dimiliki oleh warga tempatan. Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT KEDUA, PENGGAL KEDUA,
PARLIMEN KEEMPAT BELAS (2019)**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : YB TUAN ARTHUR JOSEPH KURUP
[PENSIANGAN]**

TARIKH : 2 JULAI 2019

SOALAN :

Minta **MENTERI PELANCONGAN, SENI DAN BUDAYA** menyatakan apakah langkah yang diambil untuk mengembalikan Malaysia sebagai destinasi pelancongan yang utama di Asia Tenggara.

JAWAPAN :

Tuan Yang di-Pertua,

Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, pada tahun 2018, pendapatan pelancongan negara telah meningkat sebanyak 2.4% kepada RM84.1 bilion berbanding RM82.2 bilion pada tahun 2017, manakala ketibaan pelancong pula mengalami penurunan sebanyak 0.4% pada tahun 2018 iaitu sebanyak 25.8 juta pelancong berbanding 25.9 juta pelancong pada tahun 2017. Walau bagaimanapun, suku pertama 2019 telah merekodkan peningkatan ketibaan pelancong ke Malaysia sebanyak 2.7% iaitu berjumlah 6.7 juta pelancong berbanding 6.5 juta pelancong bagi tempoh yang sama pada tahun 2018. Menurut laporan yang dikeluarkan oleh Pertubuhan Pelancongan Dunia atau UNWTO, Malaysia menduduki tempat ketiga daripada segi pendapatan pelancongan dan tempat kedua daripada segi ketibaan pelancong asing berbanding negara-negara ASEAN yang lain pada tahun 2018.

Bagi terus meningkatkan prestasi pencapaian pelancongan negara, Kementerian melalui *Tourism Malaysia* melaksanakan usaha berterusan melalui perkongsian pintar bersama syarikat-syarikat penerbangan seperti *Malaysia Airlines, Emirates Airlines, Etihad Airways, Turkish Airlines, Condor Air* dan *Philippines Airlines* yang mempunyai rangkaian penerbangan yang luas bagi membantu meningkatkan ketibaan terutamanya dari pasaran Eropah dan pantai barat Amerika Syarikat.

Usaha Kerajaan dalam memperkenalkan kemudahan permohonan visa secara dalam talian atau eVisa dan *Electronic Travel Registration and Information* atau eNTRI bermula Mac 2016 juga telah memberi kesan positif dalam peningkatan permohonan visa dan ketibaan pelancong dari pasaran-pasaran China dan India ke Malaysia. Visa bagi pasaran China yang diluluskan sepanjang tahun 2018 telah meningkat sebanyak 4.4% dengan jumlah visa yang dikeluarkan sebanyak 2.78 juta berbanding 2.66 juta visa dikeluarkan pada tahun 2017. Bagi pasaran India pula, visa yang diluluskan telah meningkat sebanyak 17.8% dengan sejumlah 704,953 visa telah dikeluarkan pada tahun 2018 berbanding 598,276 visa dikeluarkan pada tahun 2017. Untuk mengekalkan momentum kenaikan pelancong China dan India, Kerajaan telah bersetuju untuk melanjutkan kemudahan eNTRI selama setahun sehingga 31 Disember 2019.

Selain itu, Kementerian juga akan memberi lebih perhatian kepada pembangunan dan promosi produk-produk pelancongan budaya dan warisan bagi melonjakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama dunia. Tapak-tapak Warisan Dunia UNESCO sedia ada adalah Tapak Warisan Arkeologi Lembah Lenggong, Taman Kinabalu, Taman Negara Gunung Mulu serta Melaka dan George Town. Manakala cadangan 3 tapak yang baharu adalah Taman Hutan Selangor FRIM, Permatang Kuarza, Gombak dan Taman Negeri Royal Belum. Di samping itu, program-program menarik yang memaparkan warisan dan budaya negara oleh jabatan atau agensi akan dipergiatkan seperti Panggung Seni Tradisional, Jejak Warisan, Semarak Warisan, Semarak

Bangsawan, Karnival Lenggong, Bermalam di Muzium, Hari Kraf Kebangsaan dan Program Kraf KampungKu.

Pada masa yang sama, dalam usaha memantapkan lagi promosi negara Malaysia di pasaran ASEAN dan juga selaras dengan Kempen Melawat Malaysia 2020, Tourism Malaysia menyertai pelbagai program promosi di luar negara. Antara program yang disertai adalah:

1. *ASEAN Tourism Forum* 2019 pada 14 hingga 18 Januari 2019 di Ha Long Bay, Viet Nam;
2. *Vietnam International Travel Mart* pada 30 Mac 2019 di Hanoi, Viet Nam;
3. *Malaysia Fest* pada 20 hingga 23 Jun 2019 di Bangkok, Thailand;
4. *Travel Madness* pada 4 hingga 7 Julai 2019 di Manila, Filipina;
5. *Thailand International Travel Fair* pada 22 hingga 25 Ogos 2019 di Bangkok, Thailand;
6. *Cambodia Travel Mart* pada 11-13 Oktober 2019 di Phnom Penh, Cambodia; dan
7. *Myanmar Travel Fair* pada 31 Oktober hingga 2 November 2019 di Yangon, Myanmar.

Selain aktiviti promosi, pejabat-pejabat Tourism Malaysia di luar negeri juga sering memberi taklimat kepada pengusaha-pengusaha pelancongan mengenai produk baharu dari Malaysia serta memberi penekanan kepada negeri-negeri yang mengadakan kempen melawat negeri masing-masing.

Sokongan baik daripada semua pihak termasuklah masyarakat, Kerajaan Negeri, badan-badan bukan Kerajaan dan pihak swasta dalam industri pelancongan adalah penting untuk membantu menarik lebih ramai pelancong ke negara kita dan seterusnya meletakkan Malaysia sebagai destinasi pelancongan utama di Asia Tenggara.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

PERTANYAAN : LISAN

**DARIPADA : DATO' SERI HAJI MUKHRIZ
BIN TUN DR. MAHATHIR [JERLUN]**

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 76

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan langkah penguatkuasaan mutakhir bagi menangani kilang-kilang bahan kitar semula, khususnya plastik yang menyebabkan pencemaran udara dan sumber air. Apakah langkah yang diambil terhadap operasi pengimportan bahan kitar semula serta longgokan bahan kitar semula yang mendedahkan kawasan sekitarnya kepada risiko pencemaran dan kesihatan.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, satu operasi bersepadu di pelabuhan-pelabuhan utama telah dilaksanakan pada bulan Mei 2019, dengan kerjasama Jabatan Alam Sekitar (JAS), Perbadanan Pengurusan Sisa Pepejal dan Pembersihan Awam (SWCorp), Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM) dan Lembaga Pelabuhan Klang. Sebanyak 3 syarikat pemegang AP telah didapati membawa masuk skrap plastik yang kotor ke Malaysia. Dalam hal ini, pihak Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) telah mengambil tindakan segera dengan mengeluarkan notis amaran kepada syarikat-syarikat tersebut di mana sekiranya syarikat didapati melakukan kesalahan yang sama, AP yang diberikan akan dibatalkan serta-merta dan disenaraihitamkan sebagai pemegang AP oleh KPKT.

Selain itu, terdapat 1 syarikat telah dibatalkan AP pada 24 Jun 2019 kerana didapati melanggar satu daripada syarat yang ditetapkan oleh KPKT. Kesemua 8 kontena yang terlibat telah diarahkan untuk dihantar pulang ke negara asal pembekal dan kos penghantaran ditanggung oleh pihak pengimport.

Sekian, terima kasih.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN LISAN DEWAN RAKYAT
MESYUARAT PERTAMA, PENGGAL KEDUA
PARLIMEN KEEMPAT BELAS

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WONG HON WAI [BUKIT BENDERA]

TARIKH : 2 JULAI 2019 [SELASA]

SOALAN NO. 77

Minta **MENTERI PERUMAHAN DAN KERAJAAN TEMPATAN** menyatakan berapakah kontena sisaplastik yang tidak diisytiharkan dari luar negara yang ditemui di pelabuhan-pelabuhan seluruh negara dan nyatakan butiran statistik negara asal dan apakah langkah yang diambil untuk menangani masalah ini.

JAWAPAN

Tuan Yang di-Pertua,

1. Untuk makluman Yang Berhormat, dasar Kementerian Perumahan dan Kerajaan Tempatan (KPKT) berkenaan isu pengimportan skrap plastik HS Code 39.15 adalah sangat jelas iaitu dengan menetapkan pengimport perlu memiliki Lesen Import (*approved permit-AP*) skrap plastik terlebih dahulu sebelum membawa masuk skrap tersebut ke Malaysia. Tiada kelulusan AP diberikan kepada kontena yang telah tiba di pelabuhan atau *no AP on arrival*.

2. Untuk makluman Yang Berhormat juga, Kementerian ini bertanggungjawab penuh ke atas kontena berisi skrap plastik yang dimiliki oleh pemegang AP sahaja. Walau bagaimanapun, aspek kawalan dan penguatkuasaan bagi kontena yang belum diisytihar di pelabuhan termasuklah skrap plastik adalah di bawah bidang kuasa Jabatan Kastam Diraja Malaysia (JKDM).

Sekian, terima kasih.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN WILLIAM LEONG JEE KEN [SELAYANG]

TARIKH : 2.7.2019 (RABU)

Tuan William Leong Jee Ken [Selayang] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan bagaimana dengan pelaksanaan program '*Food Bank*' Malaysia termasuk jumlah peserta industri makanan yang terbabit dalam program ini dan golongan yang menerima manfaat. Apakah penambahbaikan yang akan dilakukan oleh Kerajaan atas program '*Food Bank*' ini.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna (KPDNHEP) terus komited dalam mencari kaedah terbaik bagi meringankan beban kos sara hidup rakyat. Sepanjang pelaksanaan Program Food Bank Malaysia pada tahun lepas, program ini telah berjaya memberikan manfaat kepada **177,245 ahli isi rumah** dan menyelamatkan sebanyak **1,424 metrik tan** lebih makanan. Kementerian juga telah mengadakan sesi engagement bersama pihak industri makanan yang berminat untuk menyumbang kepada Program Food Bank Malaysia khususnya.

Untuk makluman Yang Di-Pertua, pasaraya-pasaraya besar di Malaysia adalah merupakan rakan strategik bagi program ini seperti Tesco Stores (Malaysia) Sdn Bhd, GCH Retail (Malaysia) Sdn Bhd, Aeon Co. (M) Bhd, 99 Speedmart Sdn Bhd dan banyak lagi.

Tuan Yang Di-Pertua,

Antara penambahbaikan yang sedang dirangka adalah seperti berikut;

- i. Penggubalan **Rang Undang-Undang berkenaan Food Bank**; dan
- ii. Pelaksanaan Program Food Bank Malaysia di **Institusi Pendidikan Tinggi**.

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA**

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : TUAN NOOR AMIN BIN AHMAD (KANGAR)

TARIKH : 03.07.2019 (RABU)

Tuan Noor Amin bin Ahmad minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan apakah langkah-langkah yang dibuat bagi memantau dan bertindak terhadap produk-produk yang tidak dapat dipastikan ketulenan dan tahap keselamatannya yang dijual atas talian.

JAWAPAN

Tuan Yang Dipertua,

Kementerian melalui Bahagian Penguatkuasa giat menjalankan pemeriksaan dan penguatkuasaan bagi memastikan barangan yang dijual oleh peniaga mematuhi standard keselamatan yang ditetapkan.

Kementerian juga mengadakan program libat urus bersama pengendali pasar dalam talian seperti Lazada dan Shopee yang bertujuan untuk memberi penjelasan, khidmat nasihat dan kerjasama dalam memahami dan mematuhi undang-undang yang dikuatkuasakan dan turut mengadakan sesi advokasi bersama pengeluar produk untuk mendapatkan kerjasama dalam pelaksanaan peruntukan undang-undang yang dikuatkuasakan.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian melalui **Akta Perlindungan Pengguna 1999, Seksyen 19** telah menetapkan Peraturan-peraturan berhubung standard keselamatan antaranya ialah:

- i. Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Standard Keselamatan Bagi Mainan) 2009;
- ii. Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Standard Keselamatan Bagi Bateri Primer) 2013; dan
- iii. Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Perakuan Pematuhan dan Tanda Pematuhan Standard Keselamatan) 2010.

Manakala, melalui **Akta Perihal Dagangan 2011, Seksyen 29** telah memberi kuasa kepada YB Menteri KPDNHEP untuk membuat perintah berhubung barang-barang seperti topi keledar motosikal, tayar pneumatik, pelapik brek gantian dan kaca keselamatan yang mana perlu diperakukan dan ditandakan dengan cap yang ditentukan oleh Menteri. Perintah-perintah tersebut ialah:

- i. Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Topi Keledar Motosikal) 2012;
- ii. Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Tayar Pneumatik) 2012;
- iii. Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Pasangan Pelapik Brek Gantian) 2014; dan
- iv. Perintah Perihal Dagangan (Penandaan Kaca Keselamatan Bagi Kenderaan Motor) 2017.

Tuan Yang Di-Pertua,

Kementerian juga sentiasa menggalakkan pengguna untuk membuat semakan terlebih dahulu mengenai latar belakang penjual atas talian serta menyemak deskripsi atau ciri-ciri produk yang ditawarkan sebelum sebarang transaksi dilaksanakan. Bagi melindungi serta meningkatkan keyakinan pengguna untuk membeli secara atas talian, Kementerian telah menggubal **Peraturan-peraturan Perlindungan Pengguna (Urus Niaga Perdagangan Elektronik) 2012** sebagai salah satu langkah bagi melindungi pengguna. Oleh itu, adalah menjadi salah satu tanggungjawab pengguna untuk menyemak maklumat produk tersebut berdasarkan peraturan sedia ada.

PEMBERITAHUAN PERTANYAAN
DEWAN RAKYAT, MALAYSIA

PERTANYAAN : LISAN

DARIPADA : PUAN RUBIAH BINTI HAJI WANG
[KOTA SAMARAHAN]

TARIKH : 2.7.2019 (SELASA)

Puan Rubiah binti Haji Wang [Kota Samarahan] minta **MENTERI PERDAGANGAN DALAM NEGERI DAN HAL EHWAL PENGGUNA** menyatakan usaha-usaha terkini dan jangka panjang bagi menangani isu kenaikan kos sara hidup rakyat.

JAWAPAN

Tuan Yang Di-Pertua,

Majlis Tindakan Sara Hidup Negara (NACCOL) telah ditubuhkan bertujuan sebagai **badan utama** bagi menangani isu – isu dan cabaran berhubung kenaikan kos sara hidup yang memberi kesan kepada kesejahteraan rakyat. Melalui NACCOL, pelbagai strategi telah dirangka bagi mengawal kenaikan harga barang Strategi tersebut boleh dibahagikan kepada tiga (3) peringkat iaitu **strategi jangka pendek, jangka sederhana, dan jangka panjang.**

Strategi **jangka pendek** bagi mengawal kenaikan harga barang ialah menambah senarai barang keperluan asas sebagai barang kawalan. Lima (5) barang keperluan asas yang ditambah sebagai barang kawalan ialah ayam standard, ikan kembung (segar beku) jenama Q-Fish, kobis bulat import, telur ayam gred C dan kelapa biji.

Strategi **jangka sederhana** di bawah Kementerian Perdagangan Dalam Negeri dan Hal Ehwal Pengguna ialah untuk menjadikan e-dagang sebagai pemangkin bagi memacu pertumbuhan ekonomi di Malaysia dan seharusnya Malaysia mempelajari dan memperkasakan e-dagang dengan menjadikan Alibaba.com dan Amazon sebagai contoh kerana mereka mempunyai ekosistem e-dagang yang lengkap. Pelaksanaan e-dagang di Malaysia mampu mengurangkan peranan orang tengah dan kos jualan barangan pengguna.

Strategi **jangka panjang** ialah memansuhkan monopoli dan kartel bagi industri tertentu. Jika adanya bukti yang kukuh yang menunjukkan wujudnya amalan monopoli dan kartel, maka tindakan akan diambil di bawah Akta Persaingan 2011.